



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Jabatan
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)



Buku Panduan **Pembangunan dan Pemajuan Pelajar**

(Student Handbook)

PEMBANGUNAN DAN PEMAJUAN PELAJAR

**Buku Panduan oleh
Jabatan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni**

Hakcipta@ Jabatan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni,
Universiti Teknologi Malaysia,
Cetakan Pertama, April 2024

Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan, untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal atau gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat keizinan daripada Jabatan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Universiti Teknologi Malaysia, 81310, Johor Bahru, Johor Darul Takzim

Editor : **AZLAN ABDUL LATIB**

Editor Penyelaras : **MOHAMMED NABIL MAHAMAD**

Pereka Kulit : **MOHD FIRDAUS OTHMAN**

Diatur Huruf oleh :

MOHAMMED NABIL BIN MAHAMAD

Jabatan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni,
UTM Johor Bahru

Diterbitkan oleh :

JABATAN TIMBALAN NAIB CANSELOR HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI
Universiti Teknologi Malaysia
81310 Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim, Malaysia

Dicetak oleh :

JASAMAX ENTERPRISE

No 16, Jalan Kebudayaan 2, Taman Universiti,
81310 Johor Bahru
Johor Darul Ta'zim, Malaysia



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia
Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia
eISBN 978-967-26710-2-2

KANDUNGAN

<i>Kata-kata Aluan</i>	ii
<i>Prakata Sidang Editor</i>	iii
<i>Jawatankuasa Penulisan</i>	iv
<i>Senarai Istilah</i>	v
BAB 1 Pendahuluan	1
BAB 2 Sistem Sokongan Pelajar	9
BAB 3 Program Pembangunan Pelajar	21
BAB 4 Pelaksanaan Program Berimpak	35
BAB 5 Pemerkasaan Kepimpinan Pelajar	43
BAB 6 5 Excellence Track Programmes	55
BAB 7 Halatuju Ekosistem Pembangunan Pelajar UTM	65
Penutup	73

KATA-KATA ALUAN TIMBALAN NAIB CANSELOR HAL EHWAL PELAJAR & ALUMNI



Buku Pembangunan dan Pemajuan Pelajar (Student Handbook) merupakan hasil daripada usaha bersama pasukan penulis dari Jabatan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JTNCHEPA), Universiti Teknologi Malaysia. Proses penyusunan buku ini melibatkan rangkaian bengkel yang dijalankan dengan penuh teliti, bertujuan menyusun panduan yang relevan dan memberi nilai tambah kepada pengalaman pelajar sepanjang meneruskan pengajian di UTM.

Buku ini tidak hanya sekadar himpunan aturan, tetapi merupakan sebuah panduan komprehensif yang membawa pelajar merentasi kehidupan selama berada di UTM. Pihak JTNCHEPA memahami bahawa perjalanan pembelajaran pelajar bukan hanya mengenai kuliah di dalam dewan kuliah sahaja, tetapi juga tentang penglibatan dalam aktiviti kokurikulum yang dapat memperkaya pembentukan diri.

JTNCHEPA berkomitmen sepenuh hati untuk menyediakan persekitaran terbaik kepada pelajar UTM agar dapat menjadi individu yang holistik dan seimbang. Panduan ini mengandungi maklumat penting mengenai fasiliti di UTM, sistem sokongan kepada pelajar, aktiviti ekstra kurikulum, entiti kesatuan pelajar serta memberikan pendedahan kepada pelaksanaan program yang berimpak.

Dengan harapan agar buku ini menjadi teman setia kepada pelajar dalam menavigasi dunia pengajian tinggi, marilah kita bersama-sama menjelajah pengalaman pembelajaran yang menarik di Universiti Teknologi Malaysia. Selamat membaca dan selamat menempuh perjalanan pembelajaran di UTM!

Sekian, Terima kasih.

Prof. Dr. Shamsul bin Sahibuddin
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni
Universiti Teknologi Malaysia

PRAKATA SIDANG EDITOR

Buku Pembangunan dan Pemajuan Pelajar (*Student Handbook*) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ini disusun dengan penuh dedikasi oleh pasukan penulis dari pelbagai jabatan merangkumi Jabatan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JTNC HEPA) UTM serta rakan-rakan dari UTMIInternational, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Jawatankuasa Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (JPMPP). Buku ini bertujuan sebagai panduan utama membimbing pelajar UTM menjelak kehidupan sebagai pelajar serta menyelami aktiviti ekstra kurikulum.

Pasukan penulis telah menyusun maklumat dan garis panduan yang relevan untuk memastikan pelajar UTM dapat memahami dan menghayati pengalaman pembelajaran mereka. Buku ini tidak hanya sekadar menyentuh aspek akademik, tetapi juga memberikan pendedahan tentang kehidupan pelajar dan aktiviti ekstra kurikulum yang dapat memperkaya pengalaman pembelajaran di UTM.

Sebagai panduan, buku ini menceritakan secara ringkas fasiliti dan sistem sokongan yang disediakan oleh UTM. Selain itu, buku ini juga memberikan liputan yang komprehensif mengenai pelbagai kemudahan, perkhidmatan, dan sumber yang boleh dimanfaatkan oleh pelajar, termasuklah pelbagai kemungkinan penyertaan dalam aktiviti ekstra kurikulum untuk memperkuuhkan pembentukan insan.

Sidang Editor juga ingin menzahirkan penghargaan kepada penyumbang, pemilik-pemilik gambar bagi gambar yang telah digunakan serta kepada semua pihak yang terlibat didalam penghasilan buku ini.

Selamat membaca dan menjadikan buku ini sebagai panduan setia dalam mengarungi cabaran kehidupan pelajar di Universiti Teknologi Malaysia!



JAWATANKUASA PENULISAN

Penaung

Prof. Dr. Shamsul bin Sahibuddin

Ketua Penyunting

Prof. Madya Dr. Azlan bin Abdul Latib

Barisan Penyunting/Urus Setia

Mohammed Nabil Bin Mahamad

Mohd Iskandar bin Ishak

Farah Liana binti Mahad

Muhammad Badrul Amin bin Abdul Rashid

Muhammad Farhan bin Mohd Fisol

Barisan Penyumbang

Dr. Norhanim bte Abdul Samat

Arman bin Md Yasin

Norhafizah binti Mohd Hanapiah

Nur Amira binti Hasnul Hadi

Siti Noraziah binti Satapah

Najah binti Fauzi

Dr. Nabilah binti Kasim

Mohd Iskandar bin Ishak

Siti Nazira binti Muhamad Nazri

Zetty Raihan binti Haji Mohd Yassin

Norfaiza binti Ali

Prof. Ir. Dr. Sharul Kamal bin Abdul Rahim

Ts. Dr. Hadafi Fitri bin Mohd Latip

Ts. Dr. Nur Fadilah binti Darmansah

Muhammad Aiman bin Nasir

Muhammad Aiman Naim bin Abdul Rahim

Jasmine Alisha binti Shahrunnizam

Ahmad Najahhalhayyi bin Zulkifli

Prof. Madya Dr. Azlan bin Abdul Latib

Mohammed Nabil bin Mahamad

Mohd Shahnimaz bin Mohd Amran

Fakhreez Irfan bin Ikhwan

Prof. Madya Ts. Dr. Abd Rahman bin Tamuri

Dr. Noor Mala bt Ibrahim

Dr. Mohamed Azlan bin Suhot

Mohd Zainuddin bin Musoh

Sia Pong Hock

Prof. Madya Ts. Dr. Ramesh K S @ Mohd Zaidi bin Abd Rozan

Prof. Madya Chm. Dr. Che Rozid bin Mamat

Dr. Zulfikar bin Ahmad

Dr. Nik Rafidah binti Nik Yusoff

Muhamad Syafik bin Rahmat

Nadratul Huda binti Ahmad

SENARAI ISTILAH

5 ETP	5 Excellence Track Programmes
BAPP	Bahagaian Aktiviti & Pembangunan Pelajar
IPT	Institut Pengajian Tinggi
JKM	Jawatankuasa Kolej Mahasiswa
JPMPP	Jawatankuasa Pemilih Majlis Perwakilan Pelajar
JTNCHEPA	Jabatan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni
KPT	Kementerian Pendidikan Tinggi
MPP	Majlis Perwakilan Pelajar
PKU	Pusat Kesihatan Universiti
PPPK	Pusat Perkhidmatan Psikologi & Kaunseling
PTJ	Pusat Tanggungjawab
SUB	Student Union Building
UA	Universiti Awam
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
UTMCC	UTM Career Centre
UTMXCITE	Pusat Inovasi Mahasiswa dan Keusahawanan Teknologi (<i>UTM Centre for Innovation & Entrepreneurship</i>)



UTM

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

FALSAFAH

Hukum Allah adalah dasar kepada ilmu. Sejajar dengan kehendak-Nya, UTM komited secara menyeluruh dan bersepadau demi mencapai kecemerlangan dalam sains, teknologi dan kejuruteraan untuk kemakmuran dan kesejahteraan sejagat.

PHILOSOPHY

The divine law of Allah is the foundation of knowledge. In line with His Will, UTM strives with total commitment to attain excellence in science, technology and engineering for the well-being and prosperity of mankind

VISI

Universiti Terkemuka Menyediakan Perkhidmatan Pendidikan dan Penyelidikan Bertaraf Dunia.

VISION

A Premier University Providing World-Class Education and Research

MISI

Untuk Membangun Bakat Holistik dan Mensejahtera Kehidupan Menerusi Ilmu dan Inovasi Teknologi

MISSION

To Develop Holistic Talents and Prosper Lives Through Knowledge and Innovative Technologies



NILAI TERAS UTM

INTEGRITI (INTEGRITY)

Integriti memerlukan pematuhan kepada nilai-nilai moral dan prinsip etika yang kukuh. Sifat terpuji ini mesti dihayati dalam hati dan jiwa dan dimanifestasikan melalui kesetiaan, peribadi, tingkah laku, perbuatan dan tindakan secara hikmah dan amanah.

SINERGI (SYNERGY)

Sinergi menanamkan semangat berpasukan, kebersamaan, keterangkuman, keserakahan, kepercayaan, hormat menghormati, keluhuran budi dan kerjasama. Ia juga menyuburkan sifat tidak mementingkan diri sendiri, timbul dari rasa keprihatinan terhadap orang lain mengatasi kepentingan sendiri, disamping menghargai kepelbagai dan perbezaan.

KECEMERLANGAN (EXCELLENCE)

Kecemerlangan merujuk pencapaian dan penyampaian tinggi yang akan menghasilkan kejayaan gemilang dalam semua aspek merangkumi pembelajaran dan pengajaran, penyelidikan, inovasi, pengkomersialan dan penyediaan perkhidmatan.

KELESTARIAN (SUSTAINABILITY)

Kelestarian terhasil melalui pamacuan secara holistik oleh komuniti kampus dalam mengintegrasikan dan mengimbangi bidang ekonomi, sosial dan alam sekitar untuk memenuhi keperluan semasa tanpa menjaskan keupayaan sedia ada dan berkekalan.



BAB 1

PENDAHULUAN



Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ditubuhkan pada tahun 1975 yang bertujuan untuk membangunkan modal insan negara, khususnya dalam bidang sains dan teknologi. Sejarah UTM bermula pada tahun 1904 sebagai Sekolah Teknik Treacher di Brickfields, Kuala Lumpur yang mengambil nama sempena Sir William Treacher, Residen General Negeri-negeri Melayu Bersekutu. Pada tahun 1942, ianya telah dinaik taraf menjadi Maktab Teknik dan berpindah ke Jalan Gurney (kini Jalan Sultan Yahya Petra). Seterusnya dinaik taraf ke Institut Teknologi Kebangsaan pada 1972 dan dimasyhurkan sebagai Universiti Teknologi Malaysia pada 1 April 1975.

UTM merupakan sebuah Institusi yang memberi fokus dalam bidang sains dan teknologi. Pelbagai jabatan diwujudkan bagi tujuan pengurusan dan pentadbiran Universiti yang dikenali sebagai Pusat Tanggungjawab (PTJ) bagi melaksanakan pelbagai fungsi, peranan dan dasar Universiti. Antara pusat tanggungjawab tersebut ialah Jabatan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (JTNCHEPA).

JTNCHEPA merupakan jabatan penting dalam menjaga kesejahteraan dan pembangunan pelajar. Namun begitu, terdapat beberapa PTJ di luar JTNCHEPA yang turut bersinergi untuk memberikan perkhidmatan yang diperlukan bagi menyokong kesejahteraan dan pembangunan tersebut sama ada secara langsung maupun secara tidak langsung.

Secara amnya, terdapat 4 kluster utama di JTNCHEPA iaitu :

- i. Kluster Pentadbiran dan Perkhidmatan
- ii. Kluster Pembangunan dan Pemajuan Pelajar
- iii. Kluster Pengurusan Kolej Kediaman
- iv. Pejabat HEPA UTM Kuala Lumpur

Perincian struktur organisasi JTNCHEPA adalah seperti Rajah 1.1 di bawah.



Rajah 1.1 Struktur Organisasi JTNCHEPA

Dalam aspek kesejahteraan pelajar, JTNCHEPA memberi fokus dalam menjaga kebajikan pelajar, pengurusan pinjaman dan biasiswa, kemudahan, kesihatan, perkhidmatan kaunseling dan tatatertib. Manakala dalam aspek pembangunan pelajar pula JTNCHEPA berperanan menguruskan aktiviti - aktiviti pelajar, ekstra kurikulum pelajar, keusahawanan dan kerjaya serta pengurusan alumni. Pengurusan kolej di bawah bidang kuasa pengetua adalah bertujuan menjaga kesejahteraan pelajar di kolej - kolej kediaman.

Falsafah UTM adalah hukum Allah merupakan dasar kepada sains dan teknologi manakala slogan Kerana Tuhan Untuk Manusia menjadi asas penubuhannya. Justeru itu, kemenjadian pelajar dalam bidang akademik perlu diterapkan dengan nilai dan sahsiah yang baik demi pembangunan diri dan warga di masa akan datang. Sehubungan itu, JTNCHEPA telah menggariskan objektif kualiti peranannya dan menyenaraikan matlamat visi, misi dan nilai seperti dalam Rajah 1.2.



Rajah 1.2 Visi dan Misi JTNCHEPA

Buku ini bertujuan untuk memberikan pendedahan kepada pelajar berkenaan dengan bentuk sokongan yang disediakan oleh pihak JTNCHEPA sepanjang pelajar menjalani kehidupan di UTM.

Sistem sokongan merujuk kepada keperluan menyediakan infrastruktur, kemudahan dan perkhidmatan yang memberikan keselesaan dan kesejahteraan kepada pelajar.

Kesejahteraan pelajar juga merujuk kepada perkara-perkara yang melibatkan urusan biasiswa, pinjaman pelajaran, kesihatan fizikal, kesihatan mental, bantuan dan kebajikan, kerjaya, sukan dan alumni.

Buku ini juga dijadikan panduan dalam memberi maklumat tentang aspek pembangunan dan pemajuan diri pelajar sepanjang pengajian di UTM terutamanya dalam aspek ekstra kurikulum. Bab dalam buku ini akan memberikan maklumat asas terhadap perkara-perkara berikut :

- Bab 1 - Pendahuluan
- Bab 2 - Sistem Sokongan Pelajar
- Bab 3 - Program Pembangunan Pelajar
- Bab 4 - Pelaksanaan Program dan Penilaian Impak
- Bab 5 - Pemerksaan Kepimpinan Pelajar
- Bab 6 - 5 Excellence Track Program (5 ETP)
- Bab 7 - Halatuju Ekosistem Pembangunan Pelajar UTM

Kerangka pembangunan dan pemajuan pelajar dibentuk bagi menghasilkan pelajar berbakat global menerusi inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh UTM menerusi pelbagai PTJ di dalam dan di luar JTNCHEPA. PTJ luar yang turut sama membantu hal-hal berkaitan kesejahteraan dan pembangunan pelajar di UTM ini adalah seperti Unit Endowmen, Unit Wakaf, Pusat Islam, UTM International, UTM Centre for Community & Industry Network (UTMCCIN), Bahagian Keselamatan, Unit Hospitaliti, Sekolah Pengajian Pra Siswazah dan Fakulti.

Pembangunan pelajar merujuk kepada perancangan program dan aktiviti ko-kurikulum tidak berkredit yang meliputi Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Jawatankuasa Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (JPMPP), Jawatankuasa Kolej Mahasiswa (JKM), badan-badan beruniform, kelab, persatuan dan sekretariat anak negeri.

Sehingga kini, terdapat lebih daripada 130 kelab dan persatuan telah ditubuhkan dan diwujudkan di UTM. Program-program pembangunan pelajar berimpak perlu dirancang dan dijalankan oleh setiap kelab dan persatuan sejajar dengan matlamat universiti untuk melahirkan pelajar berbakat holistik (*holistic talent*) menerusi graduan berkualiti tinggi (*high quality graduates*). Impak program yang ditekankan adalah seperti berikut :

- (i) Sustainable Development Goals (SDGs).
- (ii) Integrity, Synergy, Excellence and Sustainability (ISES).
- (iii) Government, University, Community and Industry (GUCI).
- (iv) Patriotisme dan perpaduan.
- (v) Adab.
- (vi) Impact, Relevance, Effectiveness, Efficiency and Sustainability (IREES).


Pendahuluan

Terdapat empat kategori kelab dan persatuan di UTM seperti berikut:



Rajah 1.3 Kategori Kelab dan Persatuan

Sejarah pembangunan pelan transformasi UTM telah bermula menerusi Pelan Global UTM 2012-2020 yang memberi penekanan untuk memacu UTM ke hadapan agar dikenali di seluruh dunia. Hasilnya UTM telah berjaya berada dalam kalangan 200 universiti terbaik dunia (*QS World Ranking*). Seterusnya, pada tahun 2020, UTM melangkah ke hadapan dengan memperkenalkan Pelan Tindakan Envision 2020-2025 bagi memacu UTM terus ke hadapan menjadi sebuah universiti premier yang menyediakan pendidikan dan penyelidikan berkelas dunia serta menghasilkan graduan tersedia masa hadapan. Selaras dengan itu, JTNCHEPA UTM turut merangka Pelan Strategik JTNCHEPA dan membangunkan model Multidimensional Transformative Student Experience seperti dalam Rajah 1.4.



Rajah 1.4 Multidimensional Transformative Student Experience Model

Transformative Student Experience Model telah dibangunkan sejak 2012 dan telah dikemaskini dan dijenamakan semula sebagai *Multidimensional Transformative Student Experience Model* pada 2019. Pengalaman yang harus diterokai oleh seorang pelajar sepanjang pengajian di UTM meliputi pengalaman akademik, pengalaman ekstra kurikulum (kokurikulum) dan pengalaman perkhidmatan. Model ini menunjukkan usaha yang dilakukan UTM untuk membantu mencapai hasrat KPT dalam menghasilkan pelajar yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang seperti diharatkan dalam Lonjakan 1 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan (Pengajian Tinggi) 2015-2025. Ia juga meliputi suntikan atribut seperti kemahiran insaniah, keperibadian, jati diri dan keaktifan pelajar sepanjang pengajian di UTM. Usaha ini adalah untuk memberikan pengalaman pembelajaran di dalam dan di luar kelas yang seterusnya dapat memantapkan atribut pelajar.

Mulai tahun 2022, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah memulakan langkah bagi memberi lebih banyak ruang kepada pelajar untuk beraktiviti melalui inisiatif Pemerksaan Pelajar. Menerusi inisiatif ini, Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) diberikan mandat untuk mengurus dan merancang aktiviti atau program pembangunan pelajar yang selari dengan hasrat tersebut. Justeru itu, UTM telah bersetuju melaksanakan program menerusi inisiatif pemerksaan pelajar ini seperti melaksanakan Parlimen Mahasiswa, pilihanraya kampus serta pelbagai program yang berkait dengan kesejahteraan dan pemajuan pelajar.

JTNCHEPA telah mewujudkan 5 Excellence Track Programmes (5 ETP). Program ini telah diinspirasikan oleh Mantan Naib Canselor UTM Dato' Seri Ir. Dr. Zaini Ujang dan telah dijalankan sejak tahun 2012. Program 5 ETP ini telah diberikan nafas baharu pada tahun 2020 dengan memperkenalkan 14 sub teras kepimpinan global. Kaedah pelaksanaan program berbentuk latihan, pendedahan dan aplikasi pelaksanaan serta peruntukkan imbuhan khas diterapkan dalam teras terpilih bagi memberikan keistimewaan kepada pelajar yang mengikuti teras ini. Menerusi program 5 ETP, diharap ianya dapat mencapai hasrat UTM untuk memberikan sumbangan kepada komuniti menerusi aktiviti pelajar dengan penglibatan bersama pihak berkuasa kerajaan, Universiti, komuniti dan industri (GUCl) serta alumni.



Rajah 1.5 Lima Teras 5 ETP

Pendahuluan

Adalah menjadi hasrat JTNCHEPA menerusi Bahagian Aktiviti dan Pembangunan Pelajar (BAPP) untuk memastikan kesohoran dan kecemerlangan pelajar dalam melaksanakan program berimpak di pelbagai peringkat. Setiap tahun pelajar UTM yang cemerlang dalam kegiatan kokurikulum akan diraikan dalam Majlis Anugerah Gemilang Mahasiswa (GEMA). Pelajar juga berpeluang untuk dicalonkan menyertai Anugerah Tokoh Siswa (ATS) Kebangsaan serta Anugerah Akademik sewaktu majlis konvesyen.

Justeru itu, diharap buku ini dapat memberikan informasi berguna kepada pelajar bagi memudahkan semua urusan yang berkaitan dengan kesejahteraan kehidupan sebagai pelajar di UTM dan kekal aktif dalam pelbagai program pembangunan pelajar di UTM.





BAB 2

SISTEM SOKONGAN PELAJAR




2.1 PENGENALAN

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) komited untuk menyediakan persekitaran kondusif dalam memberi perkhidmatan sokongan yang dapat menggembirakan dan menyejahterakan pelajar sepanjang pengajian mereka termasuk aspek infrastruktur, fizikal dan mental.

2.2 SISTEM SOKONGAN DI JTNCHEPA

Beberapa bahagian diwujudkan bagi memberi perkhidmatan sokongan kepada pelajar seperti berikut:



Rajah 2.1 Sistem Sokongan JTNCHEPA

2.2.1 Pusat Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling (PPPK)

Pusat Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling (PPPK) berperanan menyediakan perkhidmatan berteraskan pembangunan sahsiah warga UTM terutamanya berkaitan kesihatan mental, konsultasi psikologi dan kaunseling serta pengukuran psikologi. Perkhidmatan sesi kaunseling, bimbingan dan perundingan merupakan antara perkhidmatan yang diberikan kepada setiap pelanggan yang hadir secara individu atau berkumpulan oleh Kaunselor Berdaftar atau Pegawai Psikologi.

Sistem Sokongan Pelajar


Fasiliti yang terdapat dalam PPPK diberikan secara percuma kepada pelajar dan staf untuk digunakan, iaitu:

1. Pusat Sumber
2. Bilik Relaksasi
3. Taman Terapeutik
4. Wakaf
5. Anjung Serbaguna
6. Risalah/Edaran/Poster berkaitan perkhidmatan Pusat Kaunseling
7. Kelompok Sokongan Pelajar (Student Support Group)
8. Terapi Biofeedback

Penggunaan fasiliti ini hanya diperuntukkan dalam tempoh waktu pejabat sahaja, kecuali taman terapeutik, wakaf dan anjung serbaguna. Namun begitu, penggunaan kemudahan ini di luar waktu pejabat hendaklah dimaklumkan terlebih dahulu kepada PPPK.



Rajah 2.2 Fasiliti di PPPK



Rajah 2.3 Program yang dilaksanakan oleh PPPK

Selain daripada menawarkan perkhidmatan sesi kaunseling, bimbingan dan perundingan, PPPK turut menawarkan perkhidmatan pendidikan dan sokongan psikososial kepada staf dan komuniti UTM. Program yang dilaksanakan PPPK berteraskan program kesihatan mental dan kesejahteraan hidup merangkumi program kesedaran kesihatan mental, pendidikan pencegahan dadah, pembangunan personaliti, pengujian psikologi dan lain-lain.

2.2.1.1 Pembimbing Rakan Siswa (PERSIS) dan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM)

Pembimbing Rakan Siswa (PERSIS) dan Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) merupakan kelab yang bernaung di bawah Pusat Perkhidmatan Psikologi dan Kaunseling. Tujuan utama PERSIS ditubuhkan adalah untuk melatih para pelajar menguasai kemahiran membantu supaya mereka dapat membantu rakan pelajar yang memerlukan pertolongan dari segi mental, sosial atau emosional, di samping melatih mereka membantu diri sendiri.

Selain itu, dengan adanya bantuan PERSIS, nilai kepimpinan dan keyakinan diri pelajar dapat dipertingkatkan dengan menyertai pelbagai aktiviti samada di dalam kampus atau di luar kampus. Terdapat pelbagai program yang dilaksanakan oleh PERSIS seperti *Boosting Self-Esteem – Accept, Care and be kind to Self* yang sentiasa mendapat sambutan dan berupaya membantu pelajar agar lebih terbuka untuk berkongsi masalah.

Persatuan Mencegah Dadah Malaysia atau PEMADAM pula merupakan persatuan yang memberi maklumat yang tepat dan berkemampuan untuk menyedarkan masyarakat mengenai bahaya penyalahgunaan dadah. Kini, skop penubuhan PEMADAM bukan sahaja tertumpu kepada dadah sahaja, tetapi juga kepada asap rokok konvensional, mahupun asap rokok elektronik.



Rajah 2.4 Program yang dilaksanakan oleh PEMADAM & PERSIS

2.2.2 Pusat Kesihatan Universiti

Pusat Kesihatan Universiti (PKU) Universiti Teknologi Malaysia menawarkan kemudahan perkhidmatan perubatan, pergigian dan kesihatan peringkat primer kepada warga universiti bagi membantu pelajar supaya dapat memberikan tumpuan dalam aktiviti pembelajaran, pengajaran dan penyelidikan. PKU menyediakan perkhidmatan kesihatan seperti berikut:

- (i) Klinik Perubatan,
- i(i) Klinik Pergigian,
- (iii) Unit Kecemasan,
- (iv) Fisioterapi,
- (v) Makmal Diagnostik Perubatan,
- (vi) X-ray Perubatan
- (vii) X-ray Pergigian,
- (viii) Makmal Pergigian dan
- (ix) Farmasi
- (x) Perkhidmatan Ultrasound & ECG

2.2.2.1 Kelab Program Siswa Sihat (PROSIS)

PROSIS merupakan kelab yang bernaung di bawah PKU yang berkolaborasi bersama Kementerian Kesihatan Malaysia. Pelbagai program dan aktiviti dijalankan untuk memastikan pelajar sentiasa sihat dan cergas sekaligus dapat memupuk sifat kepimpinan dan kerjasama antara satu sama lain. Antara aktiviti yang dilaksanakan di bawah PROSIS adalah *World Diabetes Day*, Karnival Kesihatan, Cabaran BMI dan Khidmat Masyarakat.

2.2.3 Pusat Kecemerlangan Sukan

Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS) atau dikenali sebagai University Sport Excellence (USE) merupakan pusat yang menumpukan kepada pembangunan atlet UTM secara menyeluruh sama ada dari segi latihan dan pertandingan mahupun penyediaan fasiliti sukan yang kondusif bagi para atlet. USE memastikan penyediaan fasiliti sukan di hampir semua kolej kediaman serta fasiliti berpusat seperti kayak di Tasik Ilmu, gelanggang bola tampar, sukan pantai dan petanque berdekatan Pusat Ekuin. Selain daripada itu, penglibatan atlet UTM dalam 5 Excellence Track Programme (5ETP) memberi peluang kepada para atlet untuk menumpukan kepada pengasahan bakat bertujuan untuk menyertai pertandingan di pentas yang lebih gemilang. UTM komited membangunkan sukan inklusif yang melibatkan para atlet Orang Kurang Upaya (OKU) agar mereka diberi peluang yang sama untuk turut mencapai kecemerlangan di UTM.



Rajah 2.5 Pusat Kerjaya UTM

2.2.4 Pusat Kerjaya

Pusat Kerjaya Universiti Teknologi Malaysia memberikan sokongan untuk membantu pemajuan pelajar dalam mencapai matlamat profesional mereka. Ia menawarkan sokongan, bimbingan dan peluang untuk membantu pelajar merangka laluan kerjaya mereka dengan jayanya. Berikut adalah inisiatif yang dilaksanakan bagi membantu pelajar :

2.2.4.1 Karnival Kerjaya

Karnival Kerjaya dilaksanakan sebagai salah satu inisiatif intervensi bagi membantu graduan mendapatkan peluang serta penempatan pekerjaan menerusi penglibatan pelbagai industri yang berpotensi. Aktiviti yang dilaksanakan dalam program ini adalah pameran kerjaya, perkongsian kerjaya daripada industri serta temuduga pekerjaan di dalam kampus.

2.2.4.2 Talent and Competency Management (TCM)

Kursus Talent and Competency Management (TCM) adalah salah satu kursus wajib yang perlu diikuti oleh pelajar sebelum menamatkan pengajian di bawah Professional Skills Certificate (PSC). TCM ini mengandungi lima modul, iaitu Pengenalan Kursus TCM, Isu-isu Kebolehpasaran Graduan, Profiling MyNEXT, Talent Acquisition Modules : Job Interview and LinkedIn dan Mock Interview bersama industri. Selain dari itu, pelajar juga perlu menghantar tiga tugas, iaitu *resume*, video *resume* dan interpretasi ujian Profiling MyNEXT. Selepas itu, pelajar boleh menghadiri *mock interview* sebagai syarat terakhir untuk melayakkan mereka memperoleh kelulusan bagi kursus TCM.

2.2.4.3 Career Profiling

Pusat Kerjaya UTM (UTMCC) menggunakan Profiling MyNEXT yang diperkenalkan oleh Talent Corporation Malaysia Berhad bagi membantu pelajar mengenali personaliti dan profil kerjaya mereka. Pelajar baharu perlu mengisi Profiling MyNEXT semasa sesi taklimat Minggu Mesra (MMM).

2.2.5 UTMXCITE

UTM Centre for Student Innovation & Technology (UTMXCITE) bertujuan memberi pendedahan mengenai keusahawanan digital seperti pembangunan aplikasi, pengurusan perniagaan, pemasaran melalui media sosial, dan lain-lain. Melalui kerjasama dengan agensi pembangunan keusahawanan, UTMXCITE telah melahirkan graduan berpotensi tinggi dalam bidang keusahawanan, dan juga memberikan sokongan dan garis panduan untuk membantu pelajar menjadi usahawan berjaya dengan menyokong aktiviti keusahawanan dari permulaan hingga pemeliharaan perniagaan. Di bawah keusahawanan UTM, pelajar dapat mempelajari pelbagai aspek keusahawanan termasuk pendaftaran perniagaan, bimbingan mentor, dan pengelolaan aset perniagaan yang melibatkan harta intelek UTM.

2.2.6 UTMAalumni

Fungsi utama UTMAalumni adalah untuk menjalankan hubungan dan kerjasama dengan alumni - alumni UTM, melaksanakan aktiviti bersama alumni untuk lebih mendekati universiti dengan memberi sokongan, sumbangan idea, kepakaran dan dana kepada UTM.

2.3 BANTUAN PEMBIAYAAN PENGAJIAN DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Universiti memahami kepentingan utama yang menyokong setiap pelajar untuk berkembang maju dari segi akademik, peribadi dan sosial. Justeru, JTNCHEPA menyediakan inisiatif bagi menguruskan bantuan kewangan untuk membantu mengurangkan tekanan kewangan melalui Unit Kebajikan dan Tatatertib, JTNCHEPA yang terletak di Aras 2, Bangunan Student Union Building (SUB). Inisiatif bantuan kewangan merangkumi pelbagai bentuk bantuan, termasuk basiswa, geran, pinjaman, serta program *job-on-campus*.

2.3.1 Tabung Endowmen

Tabung Endowmen yang digerakkan melalui Unit Endowmen merupakan suatu inisiatif Universiti untuk membiayai pelajar yang cemerlang tetapi menghadapi kesukaran untuk menyelesaikan yuran pengajian dan menampung kos sara hidup. Antara penyumbang utama untuk Tabung Endowmen UTM ialah Yayasan Azman Hashim, Pelabuhan Johor, UTMAalumni dan sumbangan dari korporat dan individu.

Bagi pelajar antarabangsa, pihak Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UTM telah meluluskan penubuhan Tabung Endowmen Pelajar Antarabangsa (International Endowment Fund) bagi membantu pelajar antarabangsa UTM yang menghadapi masalah kewangan antaranya, untuk membayar sebahagian bayaran yuran tahun akhir pengajian bagi membolehkan *viva-voce*, menyediakan tesis, dan lain-lain yang diluluskan oleh pihak Universiti. Penyumbang Tabung Endowmen Pelajar Antarabangsa adalah terdiri daripada pelajar antarabangsa, alumni antarabangsa UTM, syarikat antarabangsa, individu, badan korporat, dan lain-lain.

2.3.2 Biasiswa dan Penajaan

UTM juga menyediakan biasiswa kepada pelajar pengajian sarjana muda sepenuh masa yang dinamakan sebagai Biasiswa Endowmen UTM sejak penubuhan Tabung Endowmen. Sehingga kini terdapat lapan jenis biasiswa yang ditawarkan kepada pelajar pengajian sarjana muda dengan nilai biasiswa sebanyak antara RM9,000 setahun sehingga RM12,000.00 setahun seperti berikut :

Jadual 2.1 Bantuan Endowmen yang disediakan oleh UTM

BIASISWA	NILAI	TEMPOH
Biasiswa Endowmen Merdeka	RM12,000	1 tahun
Biasiswa Endowmen Al-Bukhary	RM12,000	1 tahun
Biasiswa Endowmen Azman Hashim Kategori Cemerlang	RM12,000	1 tahun
Biasiswa Endowmen Azman Hashim Kategori B40	RM10,000	1 tahun
Biasiswa Endowmen Azman Hashim Kategori Kecemerlangan Sukan	RM10,000	1 tahun
Biasiswa Endowmen Alumni	RM9,000	1 tahun
Biasiswa Endowmen Daing Abdul Rahman Daing Mohamad	RM9,000	1 tahun
Biasiswa Endowmen Hitam Abdullah	RM9,000	1 tahun

2.3.3 Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

Bagi tujuan pembiayaan pengajian, pelajar juga boleh memohon pinjaman pendidikan PTPTN secara dalam talian melalui laman sesawang www.ptptn.gov.my. Pelajar boleh memaklumkan kepada pihak JTNCHEP melalui e-mel bkkthep@utm.my (UTMJB) / heputmkl@utm.my (UTMKL) dan melampirkan surat tawaran biasiswa/pinjaman bagi tujuan mengemaskini status penaja.

2.4 KEBAJIKAN PELAJAR

Universiti turut memberi tumpuan dalam aspek kebajikan pelajar bagi memastikan keperluan dan kemudahan dapat disampaikan secara bersasar. Di Universiti, terdapat lain-lain sistem sokongan yang ditawarkan kepada pelajar untuk memastikan pengalaman pembelajaran mereka lebih baik.

2.4.1 Skim Perlindungan Pelajar

Skim Perlindungan Pelajar memberi perlindungan kepada mana-mana pelajar tempatan yang terlibat dalam kemalangan atau ditimpa musibah selagi masih menjadi pelajar berdaftar. Manfaat turut diberikan kepada waris pelajar jika berlakunya kematian sama ada kematian akibat penyakit atau akibat kemalangan.

Makluman berkaitan kes kematian atau kemalangan pelajar akan dilaporkan kepada pihak JTNCHEPA melalui sumber fakulti, keluarga atau lain-lain. Bagi kes kematian, pihak JTNCHEPA akan terus berurusan dengan waris/keluarga bagi mendapatkan maklumat lanjut dan seterusnya menyediakan sumbangan khairat untuk diberikan kepada keluarga bagi tujuan membantu urusan pengebumian. Bagi kes kemalangan (bukan kematian), pihak JTNCHEPA akan mendapatkan maklumat lanjut dan menerangkan tuntutan yang layak dimohon mengikut tahap kecederaan yang dialami.

2.4.2 Kebajikan Pelajar Kurang Upaya (OKU)

Dalam mencapai kesejahteraan dan perkhidmatan kepada pelajar OKU di kampus, Universiti turut menyediakan khidmat kenderaan hantar pulang dari kuliah terutama pelajar kurang upaya fizikal, sebagai contoh pelajar yang menggunakan kaki palsu dan kerdil bagi memastikan mereka tidak ketinggalan semasa pengajian.

Jikalau berlaku perkara yang melibatkan pelajar hilang upaya sementara, PKU UTM turut menyediakan pinjaman kerusi roda dan tongkat sokongan berjalan. Fasiliti penginapan kolej mesra OKU di Kolej 9 dan Kolej Tun Fatimah turut tersedia dengan kemudahan seperti tandas dan laluan pejalan kerusi roda bagi menjamin persediaan menerima pelajar OKU dan pelajar hilang upaya sementara. Semua pelajar OKU layak mendapat bantuan wang saku daripada pihak Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT).

2.4.3 Bantuan Makanan di Kolej Kediaman dan Fakulti

Pelajar di UTM yang memerlukan bantuan makanan boleh memohon di bawah beberapa dana, antaranya “*Because We Care Chancellor’s Fund*” (BWCCF) iaitu Skim Bantuan Makanan Pelajar UTM. Selain ini, terdapat bantuan makan yang diberi secara *one-off* dari masa ke semasa. Skim bantuan ini diperkenalkan bagi membantu pelajar di UTM yang datang daripada keluarga yang berpendapatan rendah.

Inisiatif ini diharap mampu meringankan beban pelajar di UTM untuk mendapatkan makanan dan meningkatkan tumpuan pembelajaran mereka. Skim bantuan makanan ini tertakluk kepada penaja dan permohonan ini dibuka kepada pelajar dan keutamaan bantuan adalah kepada pelajar yang memerlukan.



Rajah 2.6 Because We Care Chancellor Fund

2.5 KEMUDAHAN DAN FASILITI LAIN

Selain daripada perkhidmatan yang ditawarkan oleh JTNCHEPA, jabatan lain turut sama bersinergi bagi memastikan pembangunan bakat dan kebajikan pelajar adalah terpelihara.

2.5.1 Kolej Kediaman dalam Kampus

Universiti telah menetapkan bahawa semua pelajar ijazah pertama pada tahun pertama diwajibkan untuk tinggal di kolej kediaman untuk satu sesi pengajian, yang merangkumi 2 semester. Tujuannya adalah untuk membolehkan pelajar mengalami kehidupan kampus secara menyeluruh. Yuran penginapan akan dikenakan melalui debit akaun pelajar. Pelajar baharu hanya ditawarkan jenis bilik berdua sahaja dan penempatan kolej kediaman serta bilik asrama adalah tertakluk kepada pihak pengurusan kolej kediaman. Sebarang pertanyaan berhubung permohonan penginapan boleh di-emelkan ke asrama@utm.my.

2.5.2 Perkhidmatan Bas dalam Kampus (Shuttle Bus)

Universiti komited untuk memenuhi keperluan penggunaan kenderaan rasmi UTM bagi aktiviti dan program dengan efisien dan selamat, tertakluk kepada peraturan yang telah ditetapkan di bawah tanggungjawab UTM Fleet.

Semua pelajar baharu Tahun Satu tidak dibenarkan membawa kenderaan. Walau bagaimanapun, perkhidmatan *shuttle bus* ada disediakan untuk kegunaan semua pelajar. Peta dan jadual perjalanan *shuttle bus* disediakan mengikut kolej kediaman dan bagi setiap semester bagi memudahkan pergerakan pelajar sehari-hari dan boleh dirujuk melalui aplikasi UTMSmart.

2.5.3 Pusat Islam

Pusat Islam ialah pusat kecemerlangan yang bertanggungjawab meningkatkan kualiti modal insan dan berperanan merancang dan melaksanakan program dan aktiviti berkaitan dengan ilmu keagamaan Islam, isu-isu sosial, dan kebajikan. Semua program yang dijalankan bertujuan untuk memberi manfaat kepada warga kampus dan masyarakat sekitar. Selain daripada memberi bantuan melalui Zakat UTM, Pusat Islam juga menyediakan perkhidmatan Pengurusan Jenazah bagi warga UTM yang diberikan secara percuma. Di samping itu, Pusat Islam juga membantu dalam konteks kesejahteraan pelajar dalam menyokong kepada emosi dan rohani.

2.5.3.1 Masjid Sultan Ismail

Masjid Sultan Ismail UTM mempunyai tanggungjawab yang lebih luas sebagai pusat perkembangan Islam, dan menjalankan aktiviti serta program ilmiah yang menyumbang kepada pembangunan dan kemajuan umat Islam. Ia berfungsi sebagai pusat rujukan, memberikan kepakaran dan nasihat berkaitan dengan agama Islam serta menyokong usaha-usaha perpaduan dalam kalangan umat Islam, terutamanya dalam kalangan pelajar, staf, dan masyarakat luar. Dengan adanya Pusat Islam dan Masjid Sultan Ismail, pelajar beragama Islam di UTM mempunyai akses kepada sokongan kerohanian yang dapat membantu mereka mengatasi cabaran dan mengekalkan kestabilan dalam kehidupan akademik dan sosial mereka.




Rajah 2.7 Masjid UTM

2.5.4 Bangunan Kesatuan Pelajar atau Student Union Building (SUB)

SUB diterajui oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), dilengkapi dengan bilik persatuan pelajar gunasama, studio, bilik seminar dan bilik bagi sekretariat melaksanakan program-program utama seperti Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (PMPP) dan Minggu Mesra Mahasiswa (MMM). Sehubungan itu, pejabat MPP dan pejabat JPMPP juga ditempat di Bangunan SUB ini.

Di SUB juga terdapat Unit Kemudahan Pelajar yang menawarkan perkhidmatan pinjaman peralatan seperti sistem siar raya, projektor LCD, dan kamera bagi melaksanakan program dan aktiviti pembangunan pelajar. Di samping itu, perkhidmatan fotokopi dan cetakan juga ada disediakan di bangunan ini.



Rajah 2.8 Kemudahan di Student Union Building

2.5.5 Student Mall

Universiti juga ada menyediakan ruang niaga kepada para pelajar yang berminat untuk melaksanakan aktiviti keusahawanan di dalam UTM. Pelajar yang berminat untuk menjalankan perniagaan di Student Mall perlu mendaftarkan perniagaan mereka kepada UTMXCITE atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Lokasi Student Mall ini yang berdekatan dengan Lingkaran Ilmu, Arked Meranti dan tempat letak kereta menjadikan Student Mall sebagai lokasi strategik untuk menjalankan perniagaan.

2.6 PENUTUP

Kesimpulannya, UTM amat komited untuk menyediakan rangkaian perkhidmatan sokongan yang diperlukan oleh pelajar bagi mengekalkan keselamatan dan kesejahteraan sepanjang pengajian di UTM.

BAB 3

PROGRAM PEMBANGUNAN PELAJAR




3.1 PENGENALAN

UTM khususnya JTNCHEPA menyahut saranan Kementerian Pendidikan Tinggi dalam usaha pemerkasaan pelajar menerusi pelbagai aktiviti yang disediakan merangkumi pembangunan dari segi ilmu, sahsiah dan jati diri pelajar. Pelbagai Persatuan/Kelab/Badan Beruniform telah ditubuhkan bagi memberi ruang kepada pelajar untuk mengasah kemahiran insaniah mereka. Peluang untuk melibatkan diri dalam aktiviti di peringkat antarabangsa juga disediakan bagi menyokong inisiatif ini. Selain itu pelajar juga didedahkan dengan program anjuran luar UTM seperti Pihak Kementerian, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), Industri dan sebagainya. Ruang dan peluang yang disediakan ini, dapat melahirkan pelajar-pelajar yang holistik dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan universiti dan negara.

3.2 PROGRAM DI BAWAH KATEGORI PERSATUAN/KELAB

UTM menyediakan pelbagai platform bagi melahirkan pelajar yang holistik selari dengan hasrat enVision UTM 2025. Selain daripada kemahiran kognitif melalui pembelajaran di dalam kelas, pelajar juga boleh menceburji pelbagai aktiviti di peringkat fakulti, kolej dan lain-lain bagi mengasah kemahiran insaniah, kepimpinan dan membina jati diri mereka.

Secara umumnya terdapat tiga (3) kategori kelab/persatuan pelajar iaitu, Akademik, Bukan Akademik dan Badan Beruniform;



Rajah 3.1 Pecahan Kelab/ persatuan Mengikut Kategori

3.2.1 Persatuan/Kelab Akademik

Merujuk kepada Persatuan yang bernaung dibawah Fakulti, ianya terbahagi kepada prasiswa dan pascasiswa. Post Graduate Student Society UTM (PGSS UTM) merupakan sebuah organisasi yang memberi tumpuan kepada kepelbagaiannya kesejahteraan pelajar pascasiswa UTM secara am yang dinaungi oleh pihak Sekolah Pengajian Siswa (SPS) UTM. Berikut merupakan senarai Kelab/Persatuan di bawah fakulti di UTM :

Jadual 3.1 Kelab/ Persatuan Akademik mengikut Fakulti

Fakulti Kejuruteraan Awam	
Persatuan Kejuruteraan Awam	PEKA
Fakulti Kejuruteraan Mekanikal	
Mechanical Engineering Student Association (MESA)	MESA
Kelab Kaji Terbang UTM (AERO CLUB)	AERO CLUB
Persatuan Teknologi Marin (TEKNOMARIN)	TEKNOMARIN
Society of Automotive Engineers UTM (SAE)	SAE
SC Manufacturing Engineering (SME UTM)	SME UTM
KELAB AUTOMOTIVE TECHNOLOGY	AUTECH
Fakulti Kejuruteraan Elektrik	
Persatuan Pelajar Kejuruteraan Elektrik (JURUTEK)	JURUTEK
Institute of Electrical and Electronics Engineers Universiti Teknologi Malaysia Power & Energy Society Student Branch Chapter (IEEE UTM PES SBC)	IEEE UTM PES SBC
Persatuan Kejuruteraan Bioperubatan & Sains Kesihatan (BIOMEHS)	BIOMEHS
Equin Scholar Society	ESS
Fakulti Kejuruteraan Kimia & Tenaga	
Persatuan Pelajar Kejuruteraan Bio-Proses (BIOSS)	BIOSS
Persatuan Pelajar Kejuruteraan Gas (GESS)	GESS
American Chemical Society UTM International Student Chapter (ACS)	ACS
Institution of Chemical Engineers UTM SC (ICHEME UTM SC)	ICHEME UTM SC
Nuclear Engineering Student Society (NESS)	NESS
Society of Petroleum Engineering (SPE UTM)	SPE UTM
Advance Membrane Technology Club	AMTEC

Fakulti Komputer	
Persatuan Mahasiswa Sains Komputer (PERSAKA)	PERSAKA
Computer Graphics & Multimedia Association (CGMA)	CGMA
Fakulti Sains	
Persatuan Pelajar Biosains (SYMBIOSIS)	SYMBIOSIS
Persatuan Sains dan Teknologi (PESAT)	PESAT
Fakulti Alam Bina & Ukur	
Persatuan Senibina Landskap (EARTH)	EARTH
Kelab GEOINFORMATIK (GEOINFO)	GEOINFO
Kelab Pentadbiran & Pembangunan Tanah (LADS)	LADS
Persatuan Pengurusan & Penilaian Harta Tanah (PEHARTA)	PEHARTA
Persatuan Seni Bina UTM (ARCHITECH)	ARCHITECH
Persatuan Ukur Bahan & Pembinaan (QS-BINA)	QS-BINA
PERSATUAN MAHASISWA UKUR TANAH (PEMETA)	PEMETA
Persatuan Mahasiswa Perancangan Bandar & Wilayah (PEWIBAWA)	PEWIBAWA
Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan	
Persatuan Mahasiswa Pendidikan (PENDIDIK)	PENDIDIK
Student of Human Resource Development Society (SMART)	SMART
Psychology Interactive Club (PSYCHIC)	PSYCHIC
Fakulti Pengurusan	
Kelab Perakaunan UTM (UTMAC)	UTMAC
Persatuan Mahasiswa Pengurusan (STRATEGI)	STRATEGI

3.2.1 Persatuan/Kelab Bukan Akademik

Persatuan/Kelab Bukan Akademik merujuk kepada kumpulan pelajar yang terdiri daripada individu yang berkumpul berdasarkan minat dan hobi tertentu bukan berdasarkan bidang akademik. Kelab/Persatuan ini perlu mendapatkan kelulusan Jawatankuasa Pembangunan Pelajar dan Jawatankuasa Tetap Senat Pembangunan Pelajar. Terdapat sebelas kluster yang diklasifikasikan di bawah Kelab/Persatuan Bukan Akademik iaitu;



Rajah 3.2 Kluster Kelab/Persatuan Bukan Akademik

Berikut merupakan senarai Kelab/Persatuan Bukan Akademik mengikut kluster;

Jadual 3.2 Kelab/ Persatuan Bukan Akademik mengikut Kluster

KLUSTER	KELAB/PERSATUAN
KEMAHIRAN KOMUNIKASI & KEPIMPINAN Kelab / persatuan ini berfokus kepada kemahiran komunikasi dan kepemimpinan bagi membantu pelajar dalam mengembangkan bakat berbicara di depan umum seperti debat, pidato, penulisan dan berkomunikasi secara efektif. Selain itu, kelab ini mampu menonjolkan bakat kepemimpinan dan memberikan pengalaman secara praktis serta meningkatkan kepercayaan diri, memperluas jaringan sosial, dan menambah nilai pada diri seseorang.	<ul style="list-style-type: none"> • Kelab Debat & Pidato • Student Chapter Golden Key Honour Society • Kelab TEDxUTM • Student's Aces Toastmasters Club UTM • Japanese Club UTM • Kelab Bahasa Mandarin • Tuanku Chancellor's English Club UTM
KESENIAN & KEBUDAYAAN Aktiviti kesenian dan kebudayaan memainkan peranan penting di dalam membentuk sahsiah dan jati diri pelajar. Kelab ini berfungsi sebagai medan seni bagi pelajar menonjolkan bakat di samping membantu mengembangkan seni budaya dan warisan, merakyatkan seni budaya dan warisan dan membantu melahirkan warga kampus yang berkebolehan, berdaya saing dalam mempertingkatkan pembangunan dan perkembangan mutu seni budaya warisan.	<ul style="list-style-type: none"> • Persatuan Kesenian Citra Daksina • Persatuan Silat Seni Gayung • Persatuan Seni Silat Cekak

KLUSTER	KELAB/PERSATUAN
KREATIVITI, REKACIPTA & INOVASI <p>Persatuan bagi kategori Kreativiti, Rekacipta, dan Inovasi adalah organisasi yang dibentuk untuk membantu anggotanya mengembangkan keterampilan, pengetahuan, dan kemampuan dalam bidang kreativiti, rekacipta, dan inovasi. Persatuan ini memberikan peluang belajar, berinteraksi dengan orang-orang yang memiliki minat yang sama, membangun jaringan sosial dan profesional, terlibat dalam kegiatan dan program yang relevan, meningkatkan pengalaman kepemimpinan dan organisasi, serta meningkatkan keterampilan komunikasi dan kerjasama dalam pasukan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kelab Fotokreatif • Jazari Innovation Club
NAUNGAN AGENSI/ KEMENTERIAN <p>Kelab/Persatuan ini menjadi mekanisme kepada kerajaan di peringkat IPT bagi memperkaya pengetahuan, pemahaman, penghayatan berkesan untuk menyemai dan memperkuuhkan semangat patriotisme sejarah dengan wawasan negara.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kelab Gerakan Pengguna Siswa • Sekretariat Rakan Badan Pencegah Rasuah • United Nation Educational,Scientific & Cultural Organization • Sekretariat Rukun Negara (SRN)
SUKAN & REKREASI <p>Memberi pendedahan kepada pelajar dalam sukan dan rekreasi secara fizikal dan maya bagi melahirkan individu yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang akademik malah dalam bidang sukan juga untuk memupuk semangat kerjasama berpasukan disamping menjaga kesihatan mental dan fizikal pelajar.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kelab Rekreasi Mahasiswa • Sekretariat Rakan Muda • Kelab Taekwando UTM • Kelab Catur UTM (KCU) • Kelab Kabaddi UTM • Kelab E-Sukan • Persatuan Sains, Inovasi & Teknologi Sukan
PENGKAYAAN ILMU <p>Kelab/Persatuan ini menjalankan amalan perkongsian dan pemindahan pengetahuan tersirat dan tersurat (<i>tacit and explicit knowledge</i>) kepada pihak-pihak lain sebagai usaha menyumbang kepada pembentukan generasi dengan pelbagai kemahiran.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • UTM Astronomy Club • Developer Student Clubs UTM • Persatuan Friends of UTM Library • Kelab Evolusi Ilmu • Biomedical Network & Innovation Club
STUDENT CHAPTER <p>Student Chapter adalah ditubuhkan oleh badan profesional bagi menjalankan operasi dan aktiviti ahli-ahli persatuan dalam universiti bagi mengembangkan kemampuan dan pengetahuan pelajar dalam bidang kemahiran serta membangun jaringan sosial dan profesional, terlibat dalam kegiatan dan projek yang relevan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Student Chapter Manufacturing Engineers • Student Chapter Petroleum Engineering • Student Chapter Automotive Engineering • Student Chapter Institut Jurutera Malaysia • Institute Of Electrical and Electronic Engineers Universiti Teknologi Malaysia Power Energy Society Student Branch Chapter • Student Chapter of The Institution OF Chemical Engineers UTM • UTM Institute of Material Malaysia Student Chapter • American Chemical Society (ACS) UTM International Student Chapter

Program Pembangunan Pelajar

KLUSTER	KELAB/PERSATUAN
KEUSAHAWANAN/ PERNIAGAAN <p>Persatuan/Kelab keusahawanan ini membantu menonjolkan bakat serta minat dalam keusahawanan di kalangan pelajar dalam mendedahkan mereka kepada situasi perniagaan sebenar serta mewujudkan interaksi di antara pelajar dengan usahawan berjaya.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kelab Usahawan UTM • My Agrosis • Bursa Young Investors Club
KESUKARELAWANAN/ KHIDMAT KOMUNITI <p>Kesukarelawanan berfokus ke arah memberikan bantuan kepada kumpulan sasaran seperti mangsa bencana alam. Khidmat komuniti pula memberikan tumpuan kepada aktiviti berbentuk pemindahan ilmu kepada masyarakat. Persatuan ini dapat memberikan impak positif kepada masyarakat dalam membantu memperbaiki keadaan sosial yang sedia ada serta memperkasakan kemahiran insaniah dan memupuk budaya kesukarelawanan dalam kalangan pelajar.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kelab Volunteer @ UTM • Persatuan Pembimbing Rakan Sebaya • Kelab Kaunseling & Kerjaya • Kelab PEMADAM • UTM Green DNA Society • Student Chapter AIESEC • Kelab Mahasiswa Penyayang UTM • Kelab Program Siswa Sihat UTM
KEROHANIAN & KEAGAMAAN <p>Persatuan/Kelab kerohanian bertujuan meningkatkan hubungan sesama manusia dan Tuhan dalam aspek kerohanian dan pencarian makna hidup serta keyakinan menerusi pelbagai aktiviti keagamaan yang dijalankan. Disamping itu, pelajar menyediakan strategi-strategi pengukuhan akidah, ibadah, akhlak dan tatasusila mahasiswa dengan merangka, merancang dan melaksanakan program dan aktiviti kerohanian/ keharmonian sosial.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Persatuan Mahasiswa Buddhis (PMB) • Persatuan Mahasiswa Hindu (PMH) • Persatuan Mahasiswa Sikh (PMS) • Kelab Ikatan Kristian (IK) • Kelab Iqra' (IQRA') • Rakan Siswa YADIM UTM (RSY UTM) • Persatuan Mahasiswa Islam (PMI)
ANAK NEGERI/ NAUNGAN KERAJAAN NEGERI <p>Merujuk kepada wakil anak negeri bagi mendapat sokongan dan dana peruntukan sepenuhnya daripada kerajaan negeri. Disamping itu, menjadi medium penghubung dalam menyampaikan sumber-sumber informasi berkaitan negeri masing-masing serta dapat mengeratkan pertalian persahabatan antara anak negeri di semua Universiti Awam seluruh Malaysia.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Sekretariat Mahasiswa Anak Johor • Sekretariat Mahasiswa Anak Perak • Sekretariat Mahasiswa Anak Pahang • Persatuan Mahasiswa Anak Terengganu • Sekretariat Mahasiswa Anak Negeri Sembilan • Perwakilan Mahasiswa Sarawak • Perwakilan Mahasiswa Sabah • Himpunan Siswazah Kelantan UTM • Persatuan Mahasiswa FELDA

3.2.3 Badan Beruniform

Merujuk kepada aktiviti yang melibatkan pasukan beruniform yang wujud sama ada yang ditubuhkan oleh pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau diuruskan oleh agensi kerajaan. Berikut merupakan badan beruniform yang terdapat di dalam UTM :

Jadual 3.3 Badan Beruniform di UTM

BADAN UNIFORM	
NAMA PERSATUAN/KELAB	SINGKATAN NAMA
Kelab Kelana Siswa (KLKM)	KLKM
Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES Darat)	PALAPES Darat
Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES Laut)	PALAPES Laut
Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi UTM (KOR SUKSIS)	KOR SUKSIS
Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam UTM (KOR SISPA)	KOR SISPA
Kelab Pandu Puteri CLOVER UTM	CLOVER UTM

3.3 PROGRAM PENGANTARABANGSAAN

Pengantarabangsaan pelajar adalah proses di mana pelajar terlibat dalam pengalaman pendidikan di luar negara. Proses ini dapat mengembangkan pemahaman pelajar yang mendalam tentang budaya, bahasa, dan sistem pendidikan yang berbeza. Pengantarabangsaan pelajar merupakan intipati utama dalam sistem pendidikan abad ke-21, yang bertujuan untuk membentuk generasi yang lebih terbuka, inklusif, dan berdaya tahan menghadapi isu global. Ia secara tidak langsung berupaya menjadi pendorong perubahan positif yang mendalam dalam kehidupan pelajar dan masyarakat secara keseluruhan. Pengantarabangsaan dalam pendidikan tinggi adalah kaedah yang penting untuk meningkatkan kualiti pendidikan. Antara faedah dan manfaat yang boleh diperolehi menerusi agenda pengantarabangsaan ini adalah menerusi pelaksanaan mobiliti pelajar dan staf, perkongsian ilmu serta kurikulum dengan kandungan global.

UTM International merupakan Pusat Tanggungjawab (PTJ) di UTM yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan semua agenda pengantarabangsaan melalui penerapan pendidikan global, hubungan antarabangsa, pertukaran budaya dan perkhidmatan pelajar. Selain itu, UTM International juga bertanggungjawab untuk menyemak, menerbitkan polisi, peraturan dan proses yang meliputi pelbagai program seperti mobiliti pelajar serta perpindahan kredit merentas institusi luar negara sahaja yang mengiktiraf pembelajaran secara formal dan tidak formal.


GLOBAL EDUCATION & EXPERIENCE	GLOBAL STRATEGY & ENGAGEMENT	CORPORATE & STUDENT SERVICES	UTM INTERNATIONAL KUALA LUMPUR CAMPUS
<ul style="list-style-type: none"> ▪ Student Mobility – Outbound & Inbound ▪ Student Activities ▪ Student Experience – Internationalization at home ▪ Student Welfare ▪ Insurance Application 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Partnership ▪ Collaboration ▪ Visibility ▪ Global Visibility & Branding ▪ Ranking Strategy ▪ Facilitate and strategies UTM's global engagement ▪ Data Management 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ Office Administration ▪ Human Resource – Management & Development ▪ Financial Management ▪ Risk / Quality / Asset Management ▪ Customer Management ▪ One stop centre for Visa & Pass Services ▪ Visa Approval Letter for Student Pass ▪ Student Pass / Employment Pass / Professional Pass ▪ Other passes - Dependent Pass / Schooling Pass ▪ Special pass 	<ul style="list-style-type: none"> ▪ MoU / Networking ▪ Student Mobility ▪ International Student Services and Welfare ▪ International Student Activities ▪ International Student Doc (VDR), Student Pass, Personal Bond, Dependent Pass ▪ Employment Pass / Professional Pass ▪ Other passes - Dependent Pass / Schooling Pass ▪ Special pass

Rajah 3.3 Peranan UTM International

3.3.1 Program Mobiliti

Dalam usaha untuk memperkasakan program mobiliti pelajar, UTM International bertanggungjawab untuk menyemak, menerbitkan polisi, peraturan dan proses yang meliputi mobiliti pelajar, artikulasi, program pertukaran pelajar dan perpindahan kredit yang merentas institusi luar negara sahaja yang mengiktiraf pembelajaran secara formal dan tidak formal.

Program mobiliti merujuk kepada beberapa kategori program yang ditawarkan kepada pelajar UTM mahupun antarabangsa untuk mereka ikuti bagi tempoh tertentu (jangka panjang atau jangka pendek) dan ia merangkumi program pertukaran pelajar, *Research Internship*, *International Invitation Program*, *Summer School Program* dan lawatan akademik. Setiap kategori ini mempunyai syarat yang berbeza sebagai contoh, bagi program pertukaran pelajar, pelajar dikehendaki mengambil beberapa kursus yang setara hasil pembelajarannya dengan kursus yang ditawarkan di universiti selain universiti asal iaitu sama ada universiti dalam negara (Universiti Awam atau Swasta) atau Universiti Luar Negara. Mobiliti pelajar (*inbound*) bermaksud pelajar antarabangsa daripada institusi pendidikan luar negara yang menjalani aktiviti mobiliti di UTM bagi tempoh tertentu sementara Mobiliti pelajar (*outbound*) pula merujuk kepada pelajar tempatan/antarabangsa daripada UTM yang menjalani aktiviti mobiliti di institusi pendidikan luar negara bagi tempoh tertentu. Program mobiliti ini boleh terdiri daripada program berkredit seperti program pertukaran pelajar (*student exchange*) mahupun tanpa kredit.



Rajah 3.4 Program Mobiliti yang ditawarkan UTMi

3.3.2 Global Buddies

Proses pembelajaran pelajar antarabangsa tidak hanya berlangsung di dalam kuliah bahkan UTM International berterusan dalam memberikan pendedahan kepada pelajar menerusi pelbagai aktiviti yang dianjurkan meliputi aspek budaya, sosial, rekreasi dan sukan. Menerusi aktiviti-aktiviti yang dianjurkan serta penglibatan daripada UTM Global Buddies, integrasi yang berlangsung antara pelajar antarabangsa dan tempatan, diharapkan dapat memberi suatu pengalaman baharu yang diharapkan dapat diadaptasi oleh pelajar dalam membantu sahsiah diri. Perkara ini turut diberikan penekanan dan satu kaedah pengukuran telah ditetapkan dalam memastikan kejayaan pelajar-pelajar yang menghadiri program mobiliti di luar negara.

UTMi Global Buddies (GB) ialah badan pelajar di bawah UTM International. Tujuannya ialah untuk memupuk interaksi pelajar dari kursus, negara dan budaya yang berbeza. Matlamat GB adalah untuk memberikan sambutan mesra kepada pelajar antarabangsa baharu dan pelajar mobiliti ke UTM, membantu menyesuaikan diri dalam persekitaran baharu dan membantu mereka sepanjang masa mereka berada di UTM. Ahli-ahli GB dipadankan dengan pelajar mobiliti yang mendaftar setiap semester. Pelajar dapat mempelajari daripada satu sama lain semasa mereka terlibat dalam aktiviti bersama-sama. Global Buddies menganjurkan aktiviti menyeronokkan dan program menarik yang membawa pelajar tempatan dan antarabangsa bersama-sama dengan objektif untuk meningkatkan penghargaan budaya dan mempromosikan kepelbagaian dalam budaya, tradisi, dan adat resam.




Rajah 3.4 Logo Global Buddies

3.3.3 Global Buddies International Student Society (ISS)

Persatuan pelajar antarabangsa telah diwujudkan pada tahun 2009 sebagai International Student Society Council (ISS Country Chapter dan ISS Central) yang terdiri daripada 17 wakil bagi International Student Society setiap negara dan 5 Majlis Tertinggi ISS Central (mewakili negara yang tiada ISS).

Peranan International Student Society (ISS) ialah untuk membantu dan menyumbang tenaga bagi menggerakkan aktiviti dan program yang melibatkan pelajar antarabangsa di UTM. Mereka juga menjadi medium di antara pelajar, pihak UTM dan juga negara yang diwakili mereka.



Rajah 3.5 Peranan ISS




Rajah 3.6 Persatuan ISS di UTM

3.4 PROGRAM ANJURAN BADAN KHAS

Terdapat beberapa badan khas di UTM yang terlibat dalam program pembangunan pelajar, iaitu Jawatankuasa Kolej Mahasiswa (JKM), Majlis Perwakilan Pelajar (MPP), Jawatankuasa Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (JPMPP).

3.4.1 Jawatankuasa Kolej Mahasiswa (JKM)

Jawatankuasa Kolej Mahasiswa terbentuk di setiap kolej kediaman di dalam UTM. Fokus utama jawatankuasa ini adalah di dalam program pembangunan pelajar di kolej. Universiti melalui enVision 2022 – 2025 telah merangka dan merekabentuk program pembangunan aktiviti di kolej kediaman berdasarkan kepada enam *niche area* seperti rajah berikut :



Rajah 3.7 Niche Area Kolej Kediaman

3.4.2 Majlis Perwakilan Pelajar

Majlis Perwakilan Perwakilan (MPP) adalah persatuan induk yang mewakili seluruh pelajar berdaftar Universiti. MPP dibentuk melalui proses pemilihan setiap tahun bagi memilih calon yang mewakili kerusi umum dan kerusi fakulti di Universiti. Semua pelajar berdaftar yang sedang mengikuti kursus di peringkat diploma dan ijazah layak bertanding dan berhak mengundi untuk memilih wakil bagi mengisi kerusi umum dan kerusi fakulti sebagai wakil mereka di MPP.

Pelbagai kegiatan berbentuk akademik dan bukan akademik dikendalikan oleh MPP. Antaranya, konvensyen, seminar, khidmat masyarakat, bengkel dan sebagainya. Setiap pelajar digalakkan menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh MPP. Ini bertujuan memberi peluang para pelajar berkenalan dan mengeratkan tali silaturahim sesama pelajar yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama. Selain itu, penyertaan ini dapat mewujudkan semangat kerjasama antara pelajar yang berlainan fakulti.

3.4.3 Jawatankuasa Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar

Jawatankuasa Pemilihan MPP (JPMPP) yang sebelum ini dikenali sebagai Campus Election Committee (CEC) ditubuhkan bermula pada tahun 2019 adalah satu badan bebas yang diuruskan sepenuhnya oleh pelajar universiti yang menjalankan kuasa di bawah Seksyen 57, Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia.

Seksyen 57 (2) menerangkan "Lembaga boleh membuat peraturan-peraturan bagi perjalanan pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar dan bagi segala perkara yang berhubung dengannya." Bertanggungjawab untuk mengendalikan Pemilihan MPP (PMPP). Berfungsi seperti Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi Pilihan Raya Kampus UTM.

3.4.4 5 Excellence Track Programmes (5 ETP)

Program 5 ETP merupakan satu program eksklusif untuk pelajar UTM yang bermula pada 1 Jun 2011 setelah diluluskan Senat Universiti dalam Mesyuarat Senat Bil. 10/2010/2011. Program 5 Teras Kecemerlangan terdiri daripada lima (5) teras iaitu Teras Kepimpinan Global, Teras Minda Nobel, Teras Kecemerlangan Sukan, Teras Teknousahawan, dan Teras Teknohafiz. Ianya merupakan satu inisiatif pembangunan pelajar yang diperkenalkan untuk melahirkan pelajar yang dinamik dan berkualiti.

3.5 PROGRAM ANJURAN LUAR UTM

Program anjuran luar adalah seperti menyertai pertandingan, majlis keraian dan program anjuran Pihak Kementerian, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), industri dan sebagainya yang meminta pelajar UTM menyertainya. Pelajar UTM dibenarkan menyertai program anjuran luar UTM dan hendaklah mendapatkan kelulusan pihak fakulti atau JTNCHEPA.

3.6 PENUTUP

Program pembangunan pelajar merupakan inisiatif terbaik untuk melahirkan pelajar yang holistik. Kegiatan atau aktiviti yang diceburi dalam bidang akademik dan bukan akademik dapat membentuk ketersedian diri pelajar dalam menghadapi cabaran dan melahirkan graduan berkualiti berorientasikan masa hadapan selari dengan enVision Moonshot pertama di dalam amanat Datuk Naib Canselor UTM pada tahun 2023. Pencapaian pelajar yang cemerlang dalam aktiviti-aktiviti yang diceburi juga diiktiraf di peringkat universiti dalam Anugerah Gemilang Mahasiswa. UTM juga menyediakan platform untuk pelajar mendapatkan maklumat dan mendaftar sebagai ahli dalam persatuan/ kelab yang ingin diceburi di Karnival Uniform Bodies, Clubs and Societies, (UNBOCS).




BAB 4

PELAKSANAAN

PROGRAM

BERIMPAK





Rajah 4.1 Ringkasan Kriteria Program Berimpak

4.1 PENGENALAN

Program berimpak didefinisikan sebagai program yang memenuhi kriteria yang ditetapkan dan dilaksanakan oleh kelab dan persatuan atau kumpulan pelajar.

4.2 PROGRAM BERIMPAK

Dalam hal ini, program berimpak boleh ditentukan menggunakan kaedah penilaian berdasarkan kepada perkara berikut:

1. Objektif/ Matlamat yang jelas bagi program yang dianjurkan.
2. Peringkat penganjuran program (Antarabangsa/ Kebangsaan/ Negara/ Negeri/ Daerah/ UTM).
3. Penglibatan dengan beberapa entiti seperti GUCI (Kerajaan - Universiti - Komuniti - Industri) (Aims4star).
4. Penerapan elemen patriotisme dan perpaduan.
5. Program yang lestari sesuai dengan matlamat SDG 2023.

Peringkat penganjuran boleh dikelaskan kepada peringkat dalaman seperti peringkat persatuan, kolej, fakulti dan UTM. Manakala peringkat luaran yang dianggap sebagai pencapaian yang lebih tinggi dan membanggakan merangkumi peringkat daerah, negeri, kebangsaan dan antarabangsa. Penganjuran program peringkat antarabangsa melibatkan sekurang-kurangnya empat (4) negara. Program peringkat kebangsaan melibatkan sekurang-kurangnya empat (4) negeri. Program peringkat negeri pula melibatkan sekurang-kurangnya empat (4) daerah manakala program peringkat daerah melibatkan sekurang-kurangnya empat (4) mukim.

Pelaksanaan Program Berimpak

Elemen GUCL di bawah inisiatif AIM4STAR merujuk kepada hubungan kolaborasi bagi penganjuran program dengan pihak kerajaan (G), universiti/ alumni (U), komuniti (C), dan industri (I) yang membolehkan UTM menghasilkan graduan yang bersedia untuk dunia pekerjaan, mempunyai *networking*, penyelidikan yang memberi impak tinggi, dan sumbangan positif kepada perkembangan tempatan dan negara. Program dikategorikan sangat berimpak tinggi apabila melibatkan kerjasama dan kolaborasi sekurang-kurang tiga (3) daripada empat (4) institusi berkenaan. Namun begitu, program dikategorikan berimpak apabila sekurang-kurang melibatkan dua (2) institusi berkenaan.

Penerapan modul pendanaan dan penjanaan menjadi aspek penting yang ditekankan dalam meningkatkan hasil atau pendapatan yang dijana dari sebuah program yang dianjurkan. Inisiatif ini merangkumi aktiviti perniagaan, penjanaan melalui yuran penyertaan, yuran aktiviti dan juga jumlah penajaan yang diterima daripada syarikat atau agensi luar yang menaja program tersebut. Semakin tinggi hasil atau jumlah terkumpul yang diukur dalam nilai RM (Ringgit Malaysia), maka program tersebut boleh dianggap sebagai berimpak dan bersifat lestari kerana keupayaan menjana pendapatan tambahan (*financial sustainability*).

Sumbangan kepada komuniti boleh diukur kepada sejauh mana sesebuah program ini berupaya untuk mengubah gaya, cara atau menginovasi budaya kerja melalui pemindahan ilmu yang diterapkan dalam sesebuah projek yang dibawa oleh pelajar. Pemindahan ilmu kepada komuniti dilihat dapat mengubah atau meningkatkan produktiviti termasuk meningkatkan kuantiti pengeluaran (bagi produk), mempercepatkan proses kerja atau sekurangnya-kurangnya dapat mengubah cara berfikir masyarakat setempat ke arah yang lebih baik dan moden (*up to date*).

SDG mempunyai senarai sasaran yang berbagai untuk dicapai (169 sasaran) bagi mencapai 17 gol yang meliputi penyelesaian ke atas isu pembangunan sosial dan ekonomi termasuk kemiskinan, kelaparan, kesihatan, pendidikan, pemanasan global, air, sanitasi, tenaga, urbanisasi, alam sekitar dan keadilan sosial.

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS



Rajah 4.2 Sustainable Development Goals (SDGs)

4.3 PENILAIAN PROGRAM BERIMPAK

Berikut merupakan instrumen yang digunakan bagi menentukan tahap impak bagi sesuatu program;

Jadual 4.1 Kriteria Peniliaian Program Berimpak

Bil.	Kriteria	Konstruk	Definisi Operasional	Bahan Bukti
1	Impak (<i>Impact</i>)	i. Tahap Program	Peringkat pelaksanaan program meliputi kebangsaan atau antarabangsa.	Surat rasmi atau sijil penghargaan daripada pihak terlibat.
		ii. Penjanaan Kewangan	Keupayaan pelaksanaan program menjana kewangan dan mempunyai elemen keusahawanan.	Penyata keluar masuk wang,Cek atau surat tajaan.
		iii. Penglibatan Entiti	Penglibatan universiti, industri, kementerian dan komuniti (AIM4STAR) dalam program yang dijalankan.	Surat rasmi, Gambar program atau sijil penghargaan daripada pihak terlibat.
		iv. Keterlihatan	Tahap keterlihatan (visibility) program di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa melalui pelbagai jenis liputan media.	Salinan petikan akhbar, artikel/jurnal,Tangkap layar siaran radio, televisyen,Facebook/ Instagram/ TikTok/ Fanpage, surat rasmi atau surat penghargaan daripada pihak berkaitan.
		v. Pengiktirafan	Tahap pengiktirafan yang diterima program samada di peringkat kebangsaan/ industry/ kementerian / antarabangsa.	Surat atau sijil penghargaan daripada pihak terlibat
		vi. Penerapan Elemen Patriotisme dan Perpaduan	Keupayaan pelaksanaan program dalam menerapkan elemen patriotisme dan perpaduan seperti Cinta pada Negara, Setia pada Negara, Kepelbagai Agama dan Bangsa serta Kepelbagai Budaya dan Nilai.	Laporan Program/ Gambar Program.
		vii. Penyertaan Program (Output)	Jumlah keterlibatan penyertaan program berdasarkan sasaran yang ditetapkan.	Senarai nama peserta atau;Tangkap Layar Facebook/ Instagram/ TikTok/ Fanpage Kelab/ Persatuan dll
2	Relevan (<i>Relevance</i>)	i. Matlamat Program	Keselarian matlamat program yang dijalankan dengan halatuju UTM dan keperluan negara.	Laporan Program.
		ii. Keperluan Peserta	Keupayaan program memenuhi keperluan peserta dan memberi manfaat kepada keperluan peserta.	Laporan Program.
		iii. Keperluan dan Jaringan Pemegang taruh	Keupayaan program memenuhi keperluan pemegang taruh dalam bidang yang sama dan bidang yang berlainan.	Laporan Program Surat Tajaan/ Surat Kolabiasi.

Pelaksanaan Program Berimpak

3	Keberkesaan (Effectiveness)	i. Pencapaian Objektif	Keupayaan program mencapai objektif yang ditetapkan berdasarkan pengumpulan evidens yang mencukupi.	Laporan Program, Instrumen/ Borang Maklumbalas.
		ii. Pemberat Objektif	Keupayaan program mencapai keseluruhan objektif yang ditetapkan dan memenuhi standard jangkaan program.	Laporan Program, Instrumen/ Borang Maklumbalas.
		iii. Manfaat Hasil Program	Keupayaan program memenuhi kepelbagaiannya keperluan pemegang taruh pada masa kini dan pada masa hadapan.	Laporan Program, Instrumen/ Borang Maklumbalas.
		iv. Penambahbaikan Berterusan	Keupayaan penganjuran program menggunakan pelbagai sumber bagi mengenal pasti penambahbaikan berterusan.	Laporan Program, Instrumen/ Borang Maklumbalas (Formal), Refleksi, Maklumbalas Sosial Media (Informal).
4	Kecekapan (Efficiency)	i. Pengurusan Kewangan	Keupayaan sesebuah program menguruskan wang dengan cekap.	Kertas Kerja, Laporan Kewangan, Bukti Penajaan.
		ii. Pengurusan Masa	Keupayaan sesebuah program menguruskan masa dengan cekap.	Rekod Masa Program, Aturcara Program.
		iii. Pengurusan Operasi	Keupayaan jawatankuasa dalam memainkan peranan mereka dengan cekap.	Senarai Ahli Jawatankuasa, Carta Organisasi, Refleksi.
		iv. Pengurusan Logistik	Keupayaan sesebuah program menguruskan logistik dengan cekap.	Laporan Program (Berkaitan Sumber), Refleksi.
5	Kelestarian (Sustainability)	i. Matlamat Pembangunan Lestari	Keupayaan program memenuhi komponen SDG.	Laporan program.
		ii. Kelangsungan	Keupayaan program menghasilkan produk atau perkhidmatan yang boleh digunakan selepas program telah tamat.	Laporan program.
		iii. Mengatasi Risiko dan Kelemahan	Keupayaan program dianjurkan semula oleh peserta dan pengajur.	Penilaian berterusan oleh pengajur (contoh seperti aktiviti dalam WhatsApp group).

Pengajur program UTM yang melaksanakan program diwajibkan membuat penilaian indeks impak program dalam tempoh dua (2) minggu setelah selesai melaksanakan program berkenaan.

Setiap kriteria yang dinilai memerlukan bahan bukti bagi memastikan pengukuran adalah sah dan boleh dipercayai. Peserta perlu mengemukakan bahan yang bersesuaian berdasarkan kriteria yang dinilai. Bahan bukti ini adalah seperti laporan program, surat tajaan/kolaborasi, borang maklum balas atau borang kaji selidik, portfolio, laporan kewangan, gambar seperti di media cetak atau media sosial, siaraya, tangkap layar, video, buku program, senarai kehadiran dan penyertaan, sijil penghargaan, penyata kewangan, dan lain-lain yang bersesuaian.



Rajah 4.2 Ringkasan Instrumen Penilaian Impak

Pelaksanaan Program Berimpak

KERAKED
KEMBARA RAZAK KE DESAI 3-8 MEI 2024
Kampung Kota Belud | Kampung Menunggu | Kampung Lebak Engad | Kampung Sembirai

RAKAN KERJASAMA:

- Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
- Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim (UIN Sultan Syarif Kasim)
- Universiti Islam Negeri Sultan Idris Shah (UIN Sultan Idris Shah)
- Universiti Islam Negeri Sultan Sharafuddin Idris Shah (UIN Sultan Sharafuddin Idris Shah)
- Persekutuan Persatuan Sukan Pelajar (PPSS)

OBJEKTIF

- Mempromosikan seni warisan budaya Johor kepada pelajar IPTA serta masyarakat.
- Mendedahkan kelebihan dan kepentingan menjadi pelajar Johor.
- Menjadi satu platform mahasiswa mengaplikasikan segala struktur perorganisasian.

IMPAK PROGRAM

- Melahirkan mahasiswa yang berwibawa dan berkecakapan dalam program kesukarelawanan
- Menyediakan platform kepada mahasiswa untuk mewujudkan jaringan kerjasama yang melibatkan bangsa lelaki dan wanita di Malaysia
- Memupuk minat pelajar sekolah dalam STEM dan TVET seperti yang digariskan oleh pihak KPM dan KPT

IMPAK PROGRAM

- Kemahiran kepimpinan dan integriti mahasiswa terhadap masyarakat sekitar dapat ditanamkan.
- Mahasiswa dapat membina jalinan kerjasama yang melibatkan bangsa lelaki dan wanita di Malaysia dengan menggunakan platform kesukarelawanan
- Minat pelajar dalam penglibatan bidang STEM dan TVET dapat ditingkatkan dengan mendapat pengalaman dan pelajaran yang diturut oleh pihak KPM dan KPT

JUMLAH PERPUTERAN

Kolej Kediaman RM 3,000
JTNC HEPA RM 10,000
Sumber Lain RM 42,000

ZULIANA AMIRA BINTI ZAINAL ARIPIN | 013-9157991 | zulianaamira@graduate.utm.my

FESTIVAL SISWA JOHOR
1 OGOS 2024 - 4 OGOS 2024

OBJEKTIF

- Program Selawat Peringkat Kebangsaan melibatkan Yang Berhormat Tuan Haji Mohd. Fared bin Haji Mohd Khalid, Pengurus Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam Negeri Johor.
- SUKAN / AGAMA / BUDAYA / PENDIDIKAN
- PERTANDINGAN TARZAPIN
- BICARAH ALUMNI

PROGRAM

- SUKAN BANGSA JOHOR (Futsal (12 Pasukan), Bola Jaring (12 Pasukan))
- PERTANDINGAN TARZAPIN (Kategori IPTA (10 pasukan), Kategori Sekolah (10 Pasukan))
- BICARAH ALUMNI (Program ini berkongsesan Sesi perkongsian bersama Alumni dan YPJ tentang Kebolehpasaran Graduan)

SEKRETARIAT ANAK JOHOR DARUL TA'ZIM

Tujuan utama Festival Siswa Johor (FSJ) dilakukannya adalah untuk menjalin hubungan rapat dengan ahli-ahli Persatuan Pelajar Johor dari semua IPTA. Kolaborasi antara kelab dan persatuan ini dapat meningkatkan lagi produktiviti pelajar dan juga kejipimpenan dalam diri pelajar. Program ini secara tidak langsungnya juga dapat membantu mahasiswa mendekati diri dengan pemimpin Johor dan membolehkan mereka lebih mengetahui peluang dan keistimewaan yang mereka ada ketika belajar di institusi pengajian tinggi. Bukan itu sahaja, mahasiswa Johor juga dapat mengenal pasti dengan lebih mendalam tentang kelebihan mereka sebagai anak Johor. Konsep program ini adalah bertemakan pendidikan, festival, agama, budaya, sukan.

SDG ← IMPAK → **ISES**

GUGUS

Government

- Pejabat Pengurusan Jawatankuasa Sukan, Peranginan dan Komunikasi Negeri Johor
- Jabatan Belia dan Sukan Negeri Johor
- Yayasan Raja Zarith Sofiah
- Yayasan Sukan Johor
- Yayasan Warisan Johor

Community

- Pelajar Sekolah
- Orangtua dan Komuniti Belia sekitar daerah Johor Bahru
- 35 Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta

University

- JTNC (HEPA) RM 10,000.00
- Penjawat Pihak Luar: RM 2,500.00
- Penjawat Pihak Luar: RM 40,900.00
- Yuran Penyertaan: RM 3,000.00
- Yuran Penyertaan Futsal: RM 3,840.00
- Yuran Penyertaan Bola Jaring: RM 5,760.00
- Yuran Penyertaan Tarzapin: RM 4,000.00

PERUNTUKAN DIPERLUAKAN

KEWANGAN

ANGGARAN KOS KESULURUHAN:
RM 75,000.00

@anakjohorutm | ANAK JOHOR UTM | Sekretariat Anak Johor Darul Ta'Zim

BERSATU, BERMOTIVASI DAN BERKETERAMPILAN

Rajah 4.3 Contoh Program Berimpak

Rajah 4.3 menunjukkan program-program yang berimpak. Kedua-dua program mempunyai impak berdasarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan.

4.4 PENUTUP

Sabtu tahun, banyak program atau aktiviti yang dilaksanakan oleh pelajar dari semester satu (1) sehingga ke semester dua (2). Namun demikian, hanya segelintir sahaja program yang mempunyai impak yang tinggi. Oleh yang demikian, bagi memastikan program tersebut mempunyai impak, adalah disarankan untuk menerapkan elemen GUCl, IREES serta SDG.



BAB 5

PEMERKASAAN

KEPIMPINAN

PELAJAR



5.1 PENGENALAN

Menurut Kamus Dewan (1989), kepimpinan bermaksud keupayaan memimpin. Manakala mengikut Certo (1997), kepimpinan ialah proses pengarahan tingkah laku orang lain ke arah penyempurnaan sesuatu objektif. Pengarahan bermaksud seseorang individu bertindak mengikut cara tertentu atau mengikut sesuatu seperti polisi, organisasi, tatacara dan deskripsi kerja.

Kemahiran memimpin merupakan sesuatu yang boleh dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Kemahiran bekerjasama amat ditekankan di dalam sebuah organisasi bagi mencapai kecemerlangan. Sebagai seorang pemimpin, mungkin mereka mampu memberi arahan kepada orang lain tetapi adakah pengarahan ini dipatuhi oleh orang yang menerima arahan. Oleh yang demikian, seorang pemimpin perlulah mewujudkan sikap bekerjasama dengan pekerja di dalam suatu organisasi bagi mencapai kecemerlangan.

Oleh itu, bab ini memberi tumpuan kepada informasi MPP, JKM UTM DAN JPMPP secara menyeluruh. Antara maklumat terperinci tentang informasi tersebut seperti tujuan penubuhan, peranan dan syarat boleh dirujuk di bab ini. Inisiatif permerkasaan pelajar seperti pilihanraya kampus, parlimen mahasiswa, kelulusan program, student union building dan lain lain turut dinyatakan.

5.2 MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)

Majlis Perwakilan Perwakilan (MPP) adalah persatuan induk yang mewakili seluruh pelajar berdaftar Universiti. MPP dibentuk melalui proses pemilihan setiap tahun bagi memilih calon yang mewakili kerusi umum dan kerusi fakulti di Universiti. Semua pelajar berdaftar yang sedang mengikuti kursus di peringkat diploma dan ijazah layak bertanding dan berhak mengundi untuk memilih wakil bagi mengisi kerusi umum dan kerusi fakulti sebagai wakil mereka di MPM.

Pelbagai kegiatan berbentuk akademik dan bukan akademik dikendalikan oleh MPP. Antaranya, konvensyen, seminar, khidmat masyarakat, bengkel dan sebagainya. Setiap pelajar digalakkan menyertai aktiviti yang dianjurkan oleh MPP. Ini bertujuan memberi peluang para pelajar berkenalan dan mengeratkan tali silaturahim sesama pelajar yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama. Selain itu, penyertaan ini dapat mewujudkan semangat kerjasama antara pelajar yang berlainan fakulti. Visi MPP UTM adalah untuk menjadi wakil pelajar yang terkehadapan dan Misi MPP UTM menjadi peneraju dan pejuang pelajar yang mengamalkan ketelusan dan keterbukaan demi sebuah resolusi dan kestabilan.



Rajah 5.1 Barisan MPP UTM Sesi 2022/2023

-  Memupuk semangat di kalangan pelajar Universiti
-  Menyusun dan menyelia kemudahan kebajikan pelajar di Universiti
-  Membuat rayuan kepada Naib Canselor mengenai segala perkara yang berhubungan dengan keadaan hidup dan kerja pelajar Universiti
-  Menjalankan aktiviti kebajikan pelajar di Universiti
-  Menjalankan apa-apa aktiviti lain selaras dengan kehendak pelajar serta univeristi

Rajah 5.2 Peranan MPP berdasarkan Subsekyen 48(10) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971

5.3 JAWATANKUASA KOLEJ MAHASISWA (JKM)

Jawatankuasa Kolej Mahasiswa (JKM) merupakan satu organisasi pelajar yang membantu pihak felow dan staf kolej kediaman dalam menjaga kebajikan dan keselamatan pelajar. Matlamat utama JKM ditubuhkan adalah untuk memastikan kebajikan dan kemudahan penghuni kolej kediaman terjaga dan terjamin di samping merancang aktiviti di peringkat kolej, universiti dan antarabangsa. Terdapat 11 JKM yang terdapat di UTM dan JKM dibentuk mengikut kapasiti Kolej masing-masing dan berikut merupakan nama dan logo JKM mengikut kolej:-



Jawatankuasa Mahasiswa Kolej Rahman Putra (JKM KRP)



Jawatankuasa Mahasiswa Kolej Tun Fatimah (JKM KTF)



Jawatankuasa Mahasiswa Kolej Tun Razak (JKM KTR)



Jawatankuasa Mahasiswa Kolej Tun Hussein Onn (JKM KTHO)



Jawatankuasa Mahasiswa Kolej Tun Dr. Ismail (JKM KTDI)

Pemerkasaan Kepimpinan Pelajar



Jawatankuasa Mahasiswa Kolej Tuanku Canselor (JKM KTC)



Jawatankuasa Mahasiswa Kolej Perdana (JKM KP)



Jawatankuasa Mahasiswa K9K10 (JKM K9&10)



Jawatankuasa Mahasiswa Kolej Datin Seri Endon (JKM KDSE)



Jawatankuasa Mahasiswa Kolej Dato' Onn Jaafar (JKM KDOJ)



Jawatankuasa Mahasiswa Kolej Siswa Jaya (JKM KSJ)

Rajah 5.3 Senarai JKM di UTM JB & UTM KL

5.3.1 Tujuan dan Peranan JKM UTM

Penubuhan Jawatankuasa Mahasiswa (JKM) Kolej di setiap kolej kediaman pelajar adalah bertanggungjawab dalam membantu pengurusan pelajar di kolej kediaman. Sejajar dengan itu, JKM juga menyediakan pelbagai program kepada para pelajar sebagai santapan minda mereka pada setiap semester melalui program pembangunan pembelajaran pelajar di kolej kediaman bagi melahirkan graduan yang berdaya saing dengan ciri-ciri berpengetahuan luas, mampu mengolah dan menganalisis maklumat serta berfikir secara bersepadan dan konseptual serta mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat.

5.4 INISIATIF PEMERKASAAN PELAJAR

Terdapat tiga entiti yang utama dalam kepimpinan pelajar di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) iaitu:

**Majlis Perwakilan
Pelajar (MPP)**

**Jawatankuasa Pemilih
Majlis Perwakilan
Pelajar (MPP)**

**Jawatankuasa Kolej
Mahasiswa (JKM)**

Rajah 5.4 Senarai Entiti Pelajar

Walaupun ketiga-tiga entiti berdiri dengan identiti tersendiri, namun tidak dapat dinafikan sinergi yang dihasilkan oleh ketiga-tiganya dapat memajukan kepimpinan pelajar di Universiti Teknologi Malaysia (UTM).

Antara inisiatif permerkasaan pelajar yang telah dilaksanakan ialah :-

1. Pilihanraya Kampus yang dikendali oleh JPMPP
2. Parlimen Mahasiswa yang dikendali oleh JPMPP
3. Kelulusan program akademik yang dikendali oleh MPP
4. Menaiktaraf Student Union Building (SUB)

5.4.1 Pilihanraya Kampus

Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) atau juga dikenali sebagai Pilihanraya Kampus (PRK) adalah proses pemilihan pemimpin pelajar yang dilaksanakan di semua Universiti Awam (UA) setiap tahun. PRK UTM dikendalikan oleh JPMPP UTM.

Pemerkasaan Kepimpinan Pelajar



Rajah 5.5 Proses Pilihanraya Kampus di UTM JB & UTM KL

5.4.1.1 Jawatankuasa Pemilihan MPP



Rajah 5.6 Logo JPMPP

Jawatankuasa Pemilihan MPP (JPMPP) yang sebelum ini dikenali sebagai *Campus Election Committee* (CEC) ditubuhkan bermula pada tahun 2019 adalah satu badan bebas yang diuruskan sepenuhnya oleh pelajar UTM yang menjalankan kuasa di bawah Seksyen 57, Perlembagaan Universiti Teknologi Malaysia.

Seksyen 57 (2) menerangkan "Lembaga boleh membuat peraturan-peraturan bagi perjalanan pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar dan bagi segala perkara yang berhubung dengannya." JPMPP bertanggungjawab untuk mengendalikan Pemilihan MPP (PMPP) dan berfungsi seperti Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi Pilihan Raya Kampus UTM.

Visi JPMPP adalah untuk mengkaji semula, menambah baik dan memperbaharui kod etika dan proses Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Teknologi Malaysia (PMPP UTM). Manakala, misinya pula adalah untuk memastikan PMPP UTM adalah efisien, telus dan adil.

Jawatankuasa Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (JPMPP) ditubuhkan bertujuan untuk menyelenggarakan Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (PMPP) yang dimulai daripada proses Notis Pengisyiharan Pemilihan MPP sehingga pengumuman atau pengisyiharan keputusan Pemilihan MPP mengikut seperti mana ketetapan yang telah diluluskan oleh Universiti. Berikut adalah rujukan gambarajah :-



Rajah 5.7 Peranan JPMPP

5.4.2 Parlimen Mahasiswa

Parlimen Mahasiswa merupakan suatu platform yang mengangkat suara pelajar UTM yang akan berlangsung sebanyak dua kali setahun bagi setiap sesi. Parlimen Mahasiswa yang pertama diadakan untuk membentangkan hala tuju Majlis Perwakilan Pelajar serta visi dan misi bagi sesi semasa. Parlimen Mahasiswa kali kedua pula diadakan pada penghujung sesi untuk mengadakan sesi semak dan imbang terhadap semua inisiatif dan hala tuju yang ditetapkan bagi satu sesi.

Parlimen Mahasiswa memberi peluang kepada para perwakilan kelab dan persatuan serta para pelajar untuk terlibat terus dalam perbincangan dan perdebatan berkaitan libat urus pelajar dalam pengurusan di UTM. Parlimen Mahasiswa dianjurkan dan diuruskan sepenuhnya oleh JPMPP sebagai badan berkecuali dalam Parlimen Mahasiswa.



Rajah 5.8 Sesi Perbahasan ketika Parlimen Mahasiswa

5.4.3 Kelulusan Program Akademik oleh MPP

Konsep ini diterapkan kepada MPP UTM yang mana skop kelulusan program yang bersifat akademik akan diluluskan oleh MPP UTM. Proses pelaksanaan program bermula dengan penyiapan kertas kerja oleh Presiden/Pengarah program. Selepas penyiapan kertas kerja, kertas kerja akan disemak oleh Penasihat Kelab/Penasihat seterusnya disokong oleh Persatuan Mahasiswa Fakulti (PMF). Fungsi PMF adalah sebagai pemasukan utama program yang dijalankan oleh persatuan dan kelab bawah sesuatu fakulti. Wakil daripada PMF ini juga berperanan untuk membantu Majlis Perwakilan Pelajar setiap fakulti untuk menyusun dan menyelaraskan segala aktiviti fakulti. Seterusnya, kertas kerja akan dihantar kepada Timbalan Dekan (TD) fakulti untuk mendapatkan perakuan. Selesai mendapat perakuan daripada TD fakulti, kertas kerja tersebut perlu dihantar melalui Google Form yang disediakan supaya dapat diakses oleh MPP fakulti masing-masing. Kertas kerja tersebut akan disemak oleh Jawatankuasa Urusetia yang mana Jawatankuasa ini terdiri daripada MPP fakulti.

5.4.4 Student Union Building (SUB)

Student Union Building (SUB) telah dinaik taraf dari segi pengurusan, ruangan, penggunaan dan keusahawanan.

Pemilihan nama ini adalah berdasarkan:

- Sistem kompleks dengan ruang dan tapak yang berbeza dan pelbagai.
- Melambangkan kerjasama, produktiviti, dan sinergi di kalangan penghuninya.
- Merujuk kepada tempat perlindungan atau kediaman manusia, terutamanya yang kecil atau sesak.

SUB iaitu Student Union Building

Ruang yang telah dinaik taraf ialah:

- Studio- (Studio 1: The Beat Lab dan Studio 2: Framework Production)
- Kawasan Lapang - Student Showcase
- 5 Kedai + 1 Bilik Seminar (Cafe/Mamak)
- Bilik Mesyuarat
- Lounge
- Open Exhibition Area- Student Exhibition & Entrepreneurship Hall
- Pejabat MPP

Antara naik taraf pengurusan SUB adalah:

- Masa operasi iaitu 24 Jam, kebersihan
- Kebersihan: Kontrak kebersihan dan tukang cuci.
- Kod Pemakaian: Mengikut Kod Pemakaian Universiti.
- Sumber kewangan: Wang sejaan, komisyen mesin layan diri.
- Sistem pengambilan dan pemulangan kunci melalui loker.

Rajah 5.9 Ringkasan SUB

Bagi memperkasakan keusahawanan dikalangan pelajar, SUB menyewakan ruang kedai kepada kelab dan persatuan pelajar di UTM dengan harga yang berpatutan. Cadangan kedai adalah berkonsepkan *dessert*, *mini mart*, cendara mata dan cetakan yang merupakan keperluan pelajar.

5.5 PENUTUP

Kepemimpinan adalah seni dan ilmu dalam mengarahkan, menginspirasi, dan mempengaruhi orang lain untuk mencapai tujuan bersama. Seorang pemimpin memiliki tanggung jawab yang besar, tidak hanya untuk mencapai kesuksesan organisasi atau pasukan, tetapi juga untuk membangun hubungan yang kuat dan memastikan kesejahteraan anggota pasukan.

Sebagai seorang pemimpin, kualiti keperibadian dan karakter memainkan peranan penting. Integriti, kejujuran, dan etika yang tinggi adalah tiang utama yang harus dimiliki oleh seorang pemimpin. Sebagai contoh teladan, seorang pemimpin harus mempraktikkan nilai-nilai yang ingin mereka lihat dalam pasukan.

Sebagai penutup, kepemimpinan bukanlah tentang dominasi atau kekuasaan, tetapi tentang melayani dan memperjuangkan kepentingan bersama. Sebuah kepemimpinan yang efektif akan membantu orang lain untuk mencapai potensi terbaik mereka, dan menciptakan impak positif dalam organisasi dan masyarakat. Oleh yang demikian, kepemimpinan yang baik adalah tentang menginspirasi dan menciptakan perubahan yang positif, serta menghadirkan visi yang kuat untuk masa depan yang lebih baik bagi semua. Kepimpinan dalam persatuan seperti Mahasiswa Perwakilan Pelajar (MPP) dan Jawatankuasa Kolej Mahasiswa (JKM) adalah peranan yang penting dalam menuntut tanggungjawab yang besar untuk mencapai tujuan bersama.





BAB 6

5 EXCELLENCE TRACK PROGRAMMES



6.1 PENGENALAN

Institusi Pengajian Tinggi (IPT) mempunyai peranan penting untuk menjayakan pembangunan negara khususnya dalam melahirkan modal insan berkualiti yang dapat memenuhi pasaran nasional dan antarabangsa dengan memperkasakan kualiti dan potensi pelajar. Transformasi dalam pengurusan pelajar telah diberi penekanan oleh kerajaan bagi penghasilan kebolehpasaran graduan, pembangunan holistik dan keusahawanan. Selaras dengan Pelan Transformasi Universiti dan Pelan Transformasi Pembangunan Mahasiswa, program 5 ETP telah dirangka dan telah diluluskan oleh Senat Universiti melalui Mesyuarat Senat Bil. 10/2010/2011. 5 ETP merupakan satu program eksklusif untuk pelajar UTM sebagai satu inisiatif pembangunan mahasiswa untuk melahirkan mahasiswa yang dinamik dan berkualiti. Pelajar yang ingin mengembangkan keupayaan dan minat dalam bidang yang disediakan oleh 5 ETP, digalakkan memohon untuk menyertai 5 ETP.

Program 5 ETP terdiri daripada lima (5) teras iaitu:

1. Teras Kepimpinan Global;
2. Teras Minda Nobel;
3. Teras Kecemerlangan Sukan;
4. Teras Teknousahawan, dan;
5. Teras Teknohafiz.

Untuk rekod sehingga tahun 2022, seramai 312 pelajar telah terlibat dalam program kecemerlangan ini.

6.2 OBJEKTIF 5 ETP



Rajah 6.1 Objektif Penubuhan 5 ETP

5 Excellence Track Programmes

Kelebihan 5 ETP



Rajah 6.2 Kelebihan 5 ETP

6.3 SENARAI TERAS 5 ETP

(i) Kepimpinan Global

Teras Kepimpinan Global diwujudkan dengan matlamat menyediakan peluang yang luas kepada pelajar untuk meningkatkan potensi kepimpinan diri. Universiti menyediakan pelbagai latihan kepimpinan, selaras dengan hasrat universiti dan kepimpinan negara untuk melahirkan generasi pemimpin masa depan yang lebih dinamik, berdaya saing dan mempunyai jati diri yang terpuji.

Matlamat teras Kepimpinan Global adalah untuk melahirkan pelajar yang mempunyai tahap kepimpinan yang efektif dengan kecerdasan emosi (EQ) yang tinggi dan seimbang. Universiti sangat komited untuk membina bakat kepimpinan pelajar dalam membentuk pelapis pemimpin yang dinamik, berpengetahuan dan berhikmah, prihatin serta mengamalkan sifat kepimpinan yang cemerlang dan luwes (*versatile*) untuk meneraju perubahan sosial, perkembangan teknologi berinovatif serta menjamin kesejahteraan dan kelestarian organisasi.

Pelajar yang mempunyai pengalaman dan bakat kepimpinan adalah sangat digalakkan untuk memohon menyertai teras ini. Pelajar yang terlibat dengan teras ini akan menjalani tiga fasa berikut:

Pendedahan - Penempatan di 13 Pusat Tanggung Jawab (PTJ) terpilih.

Pelajar-pelajar akan ditempatkan di bawah PTJ tertentu mengikut bidang kepakaran dan kecenderungan pelajar. Pelajar akan ditempatkan untuk tempoh minima tiga semester, bagi memenuhi syarat untuk penempatan. Pelajar akan diberi insentif bernilai RM200 sebulan (bergantung kepada kelulusan Ketua Penyelaras 5 ETP di PTJ terlibat) dalam bentuk dana terkumpul yang akan diberikan pada penghujung tempoh penempatan sementara dengan penganjuran *Global Outreach Programme (GOP)*.

(i) Perancangan Program di PTJ

Pelajar diberi kepercayaan untuk merancang satu program berimpak di PTJ yang terlibat. Perancangan program ini perlu melibatkan pengurusan PTJ dan fakulti atau lain-lain pihak yang sesuai dengan program, bagi memastikan program yang dijalankan memenuhi keperluan dan memberi impak.

(ii) Pelaksanaan Program

Pelajar perlu terlibat secara langsung dalam pelaksanaan program di PTJ, dengan mengambil pertimbangan yang serius dalam aspek tatakelola, kewangan, serta pengurusan dan pembangunan sumber manusia.

(ii) Minda Nobel

Teras Minda Nobel bertujuan melahirkan pelajar yang mampu menjalankan penyelidikan berimpak tinggi. Teras Minda Nobel adalah landasan eksklusif yang direka khusus bagi merangsang minat pelajar ke arah penyelidikan berimpak tinggi pada peringkat awal pengajian dan menyediakan penyeliaan terarah sepanjang tempoh pengajian mereka.

Empat objektif utama Teras Minda Nobel adalah:

- 1. Memberi Pendedahan dan Menanam Budaya Penyelidikan** - Universiti komited untuk membangkitkan minat dalam budaya penyelidikan di kalangan pelajar, dari permulaan pengajian hingga ke puncak pengajian akademik.
- 2. Menghasilkan Penyelidikan Berimpak Tinggi** - Teras Minda Nobel menasarkan pelajar menghasilkan karya-karya penyelidikan yang membanggakan dan memberikan impak nyata kepada komuniti dan dunia.
- 3. Membentuk Kepimpinan dalam Bidang Penyelidikan** - Universiti komited untuk melahirkan pelajar yang akan menjadi pemimpin dalam arena penyelidikan, yang membawa perubahan dan inovasi yang berimpak.
- 4. Melatih Penyelidik yang Berkesan** - Teras Minda Nobel juga menekankan kepentingan kemahiran komunikasi bagi memastikan pelajar mampu menyampaikan hasil kajian yang jelas dan berkesan.

Teras Minda Nobel terbuka untuk prasiswazah dan pascasiswazah tempatan yang mempunyai visi untuk menceburi dunia penyelidikan dan inovasi. Melalui program ini, pelajar akan didedahkan dengan pelbagai program bagi mengukuh dan mengembangkan bakat dan kemahiran, bagi menyediakan laluan ke arah penghasilan saintis yang diiktiraf sehingga mampu mencapai anugerah tertinggi seperti hadiah Nobel.

Fokus teras Minda Nobel adalah untuk melahirkan saintis yang berintegriti tinggi, mampu menghasilkan penyelidikan yang berinovatif yang dapat mengubah landskap industri dan teknologi. Melalui program-program pembangunan penyelidikan yang ditawarkan, pelajar akan mendapat peluang untuk berkolaborasi mengikut bidang fungsi Pusat Kecemerlangan (*Centres of Excellence*, CoE), menghadiri seminar dan kursus khusus, berkongsi ilmu, dan lain-lain aktiviti berkaitan penjanaan dan penyebaran ilmu. Tambahan pula, pelajar juga akan diberikan peluang untuk terlibat langsung dalam projek-projek penyelidikan melalui anugerah geran khas dan mendapat bimbingan langsung dari mentor atau pensyarah yang terkemuka di bidang masing-masing.

Pelajar yang mempunyai impian besar membawa nama Malaysia ke persada dunia dan ingin meninggalkan kesan dalam dunia sains adalah digalakkan untuk menyertai teras Minda Nobel.

(iii) Kecemerlangan Sukan

Teras Kecemerlangan Sukan diwujudkan untuk memperkasakan kecemerlangan prestasi pencapaian sukan pelajar, memberikan pendedahan dan penglibatan dalam proses kepimpinan sukan, serta menggalak, merangsang dan memupuk minda keusahawanan sukan. Teras ini juga berhasrat membentuk pemimpin masa hadapan dalam aspek kecemerlangan sukan.

Teras ini merupakan suntikan nilai tambah yang disediakan oleh universiti kepada pelajar dalam melestarikan program kecemerlangan sukan yang sedia ada. Teras ini merupakan langkah untuk penjenamaan dan penstrukturkan semula pengurusan kecemerlangan sukan universiti.

Adalah diharapkan program ini dapat menjadikan universiti sebagai satu “Hub Pembangunan Sukan” selatan tanah air, dengan menasarkan sekurang-kurangnya 30% atlet universiti mewakili negara demi merealisasikan dasar pembangunan sukan KPT. Universiti menyediakan peruntukan kepada 10 peserta yang cemerlang setiap tahun, khusus untuk menarik minat dan melahirkan bakat sukan yang dapat menyumbang untuk kemajuan sukan negara.

(iv) Teknousahawan

Teras Teknousahawan diperkenalkan bertujuan untuk melahirkan pelajar yang cemerlang berkaitan dengan bidang keusahawanan. Teras ini akan memberi kesedaran, pembudayaan, penghayatan, pembinaan dan pengukuhan semangat keusahawanan dalam kalangan pelajar. Di samping itu, ianya juga diharap dapat meningkatkan motivasi, profesionalisme dan karisma pelajar menjadi usahawan teknologi yang berjaya, kreatif dan inovatif.

Teras ini memberi kesedaran mengenai keusahawanan dan perniagaan kepada semua pelajar terlibat bermula pada tahun kedua pengajian. Universiti berharap dapat menghasilkan graduan yang inovatif, kreatif dan berdaya saing dalam arena keusahawanan seiring dengan perkembangan teknologi di era globalisasi. Di samping itu, teras ini juga dapat menukar paradigma pelajar daripada budaya mencari pekerjaan kepada mencipta pekerjaan.

Selain itu, teras ini dapat membantu pelajar untuk memahami ekosistem bidang keusahawanan dan kemahiran dalam membuat keputusan untuk menjadi usahawan muda dan seterusnya membina kepimpinan keusahawanan secara bermodul dan berterusan dengan harapan mereka akan menjadi agen perubahan dalam dunia usahawan dan teknologi.

(v) Teknohafiz

Teras Teknohafiz merupakan program khas diwujudkan untuk melahirkan teknokrat Islam Profesional yang hafiz al-quran dan mampu aplikasikan ilmu sains dan teknologi berpandukan Al-Quran dan As-sunnah dalam mengharungi era teknologi dan globalisasi. Teras ini merupakan satu anjakan persediaan sebagai khalifah Allah di muka bumi untuk menyelesaikan isu dunia global dengan keilmuan sains dan teknologi untuk mengembalikan kegembilangan ketamadunan Islam.

Objektif Teras Teknohafiz adalah:

1. Melahirkan pelajar hafiz cemerlang untuk menjadi saintis dan teknokrat Islam professional.
2. Melatih pelajar melalui pengkajian dan penyelidikan mengenai pengertian, hukum, hikmah dan kemukjizatan Al-Quran.
3. Mendedahkan pelajar tentang budaya kerja dan inovasi cemerlang berdasarkan Al-Quran dan As-sunnah.
4. Membentuk pelajar yang berketerampilan dalam menyampaikan ilmu-ilmu yang bersumberkan Al-Quran dan As-sunnah kepada komuniti.
5. Melahirkan pelajar yang mampu mensintesiskan sains Al-Quran, As-sunnah dan sains moden.

Teras ini terbuka kepada pelajar tahun satu (1) yang berminat dan boleh membaca dengan baik (bertajwid) serta telah menghafalkan sekurang-kurangan tiga (3) Juzuk.

Nota:

**Tekno adalah singkatan dari perkataan teknologi yang merentasi pelbagai disiplin ilmu dan perkembangan di bidang teknologi. Teknologi juga dikaitkan dengan bidang sistem maklumat dan dunia digital yang melibatkan pengolahan informasi menggunakan teknologi moden. Istilah teknologi digunakan untuk merujuk pada tren, inovasi dan perkembangan terbaru di dunia teknologi.*

6.4 KELAYAKAN DAN KAEADAH PENGAMBILAN

Setiap pelajar UTM berpeluang menjadi salah seorang daripada 100 pelajar yang terpilih untuk menyertai program ekslusif ini sekiranya memenuhi syarat-syarat umum 5 ETP dan syarat khusus setiap teras, seperti dalam Jadual 6.1 di bawah.

Jadual 6.1 Syarat Umum dan Syarat Khas Pengambilan Ahli 5 ETP

Nama Teras	Syarat Umum	Syarat Khas
Teras Kepimpinan Global		Mempunyai pengalaman kepimpinan di UTM seperti jawatan sebagai ahli Majlis Tertinggi dan Exco MPP, JKM, Persatuan, Kelab dan Badan Beruniform, program berimpak tinggi peringkat universiti, kebangsaan, dan antarabangsa. Menulis esei kredibiliti kepimpinan diri sendiri.
*Teras Minda Nobel	<ul style="list-style-type: none"> • Terbuka kepada pelajar Sarjana Muda Tahun 2 dan keatas. • Pencapaian PNGK sekurang-kurangnya 3.50 semasa memohon • Melepas ujian khas atau personaliti serta ujian minat kerjaya. • Melepas temuduga yang ditetapkan. • Aktif dalam aktiviti kokurikulum • Mendapat sokongan daripada pihak fakulti 	Mempunyai minat yang mendalam dalam bidang penyelidikan. Mempunyai minat yang mendalam dalam bidang penulisan ilmiah. Menyediakan kertas kerja penyelidikan yang disahkan oleh bakal penyelia.
Teras Teknousahawan		Berpengetahuan dalam bidang perniagaan yang ingin dicebur. Mempunyai pengalaman keusahawanan atau Perniagaan. Pelajar yang memiliki keinginan dan minat yang kuat untuk menjadi usahawan dan berupaya menunjukkan bukti-bukti keberhasilan
***#Teras Kecemerlangan Sukan		Mempunyai tahap pencapaian kecemerlangan sukan (peringkat universiti/ negeri/ kebangsaan/ negara). Mempunyai minat yang tinggi dan komitmen dalam bidang sukan
***#Teras Teknohafiz		Telah menghafaz minimum 3 juzuk Al-Quran. Boleh membaca Al-Quran dengan baik dan bertajwid. Memiliki sahsiah yang sesuai (terserah semasa sesi temuduga).

* Terbuka juga kepada Pelajar Pasca-siswazah

** Terbuka kepada pelajar tahun 1 yang mempunyai pencapaian cemerlang di peringkat pra-universiti


*** Terbuka kepada pelajar tahun 1 yang cenderung dan mampu dalam bidang hafazan Al-Quran serta mempunyai minat yang kuat dalam pendekatan integrasi teknologi dan penghayatan nilai-nilai yang terkandung dalam Al-Quran.

Melalui laluan khusus (Green Lane) dengan rekod pencapaian terdahulu atau kriteria tertentu. Laluan ini untuk calon luar UTM pilihan universiti.

Cara Memohon:

Untuk memohon, selain daripada pelajar yang diterima melalui laluan khusus (*Green Lane*), pelajar yang berminat boleh muat turun dan isi borang permohonan yang terdapat di laman web www.utm.my/5etp. Pengambilan baru dimulakan pada awal setiap sesi pengajian. Proses pengambilan ke program ini adalah seperti Rajah 6.3 :


5 Excellence Track Programmes



Rajah 6.3 Proses Pengambilan Pelajar 5 ETP UTM

6.5 RINGKASAN PENCAPAIAN

Sejak Program 5 ETP dilancarkan pada tahun 2011 sehingga 2022, sebanyak 312 pelajar berbakat daripada UTM telah memilih untuk menjadi sebahagian daripada misi kecemerlangan ini.



Rajah 6.4 Jumlah Penyertaan 5 ETP

Teras Kecemerlangan Sukan telah menarik perhatian paling ramai dengan penyertaan seramai 82 orang pelajar dan diikuti dengan Teras Kepimpinan Global seramai 78 orang peserta. Manakala bagi teras Teknousahawan pula, telah menerima penyertaan seramai 66 orang, manakala teras Teknohafiz adalah seramai 49 pelajar. Teras yang mempunyai penyertaan paling sedikit adalah teras Minda Nobel seramai 37 orang pelajar.

NEW STRAITS TIMES BUSINESS TIMES

NEWS BUSINESS TIMES LIFE & TIMES SPORTS WORLD NSTV OPINION GALLERY MORE ▾ Q S

UTM student clinches Tokoh Siswa 2018 title

By Zulita Mustafa - April 3, 2019 @ 4:13pm



(File pix) Muhammad Syafik Rahmat won the Education Minister Award at Anugerah Tokoh Siswa 2018 held in USIM. Pix by NSTP/Iqmal Haqim Rosman



MOST POPULAR

LATEST	MOST READ
4m Full implementation of DLP at five schools in KL	
8m Indonesian rescuers race to find 10 missing after eruption	
16m Complaints over e-Madani claims create social media storm	
21m Tengku Amir urges Red Giants to work hard for Asian challenge	
30m Sabah hopes to see more high-impact investment from China and developed	

Rajah 6.5 Kejayaan Peserta Program 5ETP



Rajah 6.6 Kejayaan Peserta Program 5ETP di Arena Sukan

BAB 7

HALATUJU EKOSISTEM PEMBANGUNAN PELAJAR UTM





Rajah 7.1 Peta Halatuju UTM Graduate

7.1 PENGENALAN

UTM dikenali sebagai salah sebuah Universiti Awam di Malaysia yang paling menyerlah dalam pembinaan bakat selari dengan aspirasi negara untuk melahirkan pelapis kepimpinan peneraju ekonomi dan pentadbiran umumnya. Sehingga tahun 2022, seramai 218,409 graduan telah dihasilkan sejak awal penubuhannya pada 1972. Pencapaian cemerlang ini sudah pastinya dipacu oleh kerangka sokongan dan peranan JTNCHEPA UTM yang sentiasa seiring dengan perubahan dan inovasi yang berlaku dalam konteks ekosistem akademik di Universiti.

Bab ini akan menelusuri peranan yang dimainkan oleh JTNCHEPA yang memberikan fokus kepada hubungkait antara program dan aktiviti di UTM dengan atribut graduan yang ditetapkan KPT dan UTM. Turut dibincangkan ialah ekosistem pembangunan pelajar di UTM yang menggabungkan atribut pelajar dan graduan yang akhirnya membentuk elemen teras graduan UTM. Seterusnya, pencapaian dan kisah kejayaan graduan dan pelajar UTM berimpak tinggi turut dikongsikan.

Peranan universiti secara falsafah adalah bagi melahirkan graduan yang cerdik pandai dalam membangunkan diri serta persekitarannya. Bertitik tolak dari falsafah inilah, graduan harus mempunyai kemampuan melengkapkan diri dengan atribut-atribut yang diterapkan oleh universiti itu sendiri. Jesteru, JTNCHEPA berperanan menerapkan elemen-elemen tersebut melalui penyediaan platform kukuh dan selari dengan hasrat KPT. Pembabitan pelajar dalam pelbagai proses transformasi diri di luar bilik kuliah dianggap sama penting dan setanding dengan kecemerlangan akademik mereka.

7.2 ROADMAP ATRIBUT PELAJAR UTM

Acuan UTM untuk menghasilkan graduan holistik dilakar melalui panduan komprehensif adunan pelbagai atribut penting yang diaspirasikan daripada Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara. Kerangka dinamik ini mencerminkan komitmen UTM dalam menghasilkan graduan yang tidak hanya cemerlang dalam bidang akademik, tetapi juga individu yang seimbang dan bersedia menghadapi cabaran dunia masa kini.

Terdapat tujuh (7) atribut utama yang menjadi asas pendekatan graduan holistik UTM :


1. UTM menekankan **kepimpinan dan kerja berpasukan** selain turut mengiktiraf peranan penting kemahiran berkolaborasi serta keupayaan untuk memimpin dalam mencapai matlamat bersama.
2. **Kemahiran penyesuaian (*Adaptability*)** ditekankan, mengambil kira perubahan dan perkembangan pesat dunia masa kini.
3. UTM memberikan penekanan yang besar dalam **memupuk Warganegara Global** iaitu individu yang peka terhadap budaya, bertanggungjawab secara sosial, dan mempunyai pemahaman mendalam tentang keterhubungan dunia.
4. **Kemahiran berdaya usaha** diperkuuh, mempersiap pelajar dengan pemikiran keusahawanan dan keyakinan untuk berinovasi serta mencipta peluang baharu.
5. **Kemahiran berkomunikasi** dikembang, mengiktiraf komunikasi yang berkesan sebagai medium penting untuk kejayaan dalam bidang akademik, usaha profesional, dan interaksi peribadi.
6. UTM memberi keutamaan kepada **kemahiran berfikir (*Thinking Skills*)**, menggalakkan pemikiran kritis dan kreatif yang memberi kuasa kepada pelajar untuk menganalisis masalah kompleks dan mencari penyelesaian inovatif.
7. **Kesarjanaan (*Scholarship*)** dipromosi, membenam hasrat untuk pembelajaran berterusan dan kecemerlangan penyelidikan. Ini turut memastikan graduan UTM dilengkapi dengan kemahiran untuk memberi sumbangan yang bermakna kepada bidang masing-masing.

JTNCHEPA secara kolektif bersinergi dengan semua pusat tanggungjawab telah merancang dan menyediakan pelbagai program dan aktiviti untuk memastikan atribut ini diasah dan dipupuk secara praktikal. Pelajar digalakkan untuk menyertai kelab dan persatuan yang berkaitan dengan kepimpinan di fakulti dan kolej Kediaman. Melalui inisiatif ini pelajar dapat melatih kemahiran kepimpinan mereka melalui pengalaman dalam mengendali acara dan projek berpasukan.

Selain itu, program mobiliti pelajar ke persada antarabangsa memberi peluang kepada pelajar untuk menghayati kepelbagaian budaya dan memperkaya wawasan mereka sebagai warganegara global. Aktiviti keusahawanan juga diberi tumpuan, antaranya pertandingan penyediaan model perniagaan dan lokakarya inovasi, yang membolehkan pelajar melatih kemahiran berdaya usaha dan kreativiti.

Komunikasi dan kemahiran berinteraksi diterapkan melalui peranan aktif pelajar dalam aktiviti debat, sesi perbincangan, dan aktiviti penyampaian awam. Projek-projek penyelidikan dan tugas berkumpulan memerlukan pelajar untuk melibatkan kemahiran berfikir kritis, kerjasama berpasukan, dan penyelesaian masalah yang berinovasi.

JTNCHEPA UTM turut mengambil perhatian serius atribut yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia, termasuklah Etika dan Ketuhanan, Kemahiran Kepimpinan, Identiti Kebangsaan, Kefasihan Berbahasa, Kemahiran Berfikir, dan Kepakaran Pengajian. Pandangan holistik dari atribut ini memastikan graduan UTM tidak hanya mempunyai kecekapan teknikal, tetapi juga menjadi individu yang beretika, berjiwa kepimpinan, dan berakar umbi dalam identiti kebangsaan mereka, serta mampu berkomunikasi dengan lancar dalam pelbagai bahasa. UTM memastikan graduannya tidak hanya mampu bersaing di arena global, tetapi juga mempunyai kesedaran dan integriti untuk memimpin dalam keadaan yang mencabar.



Rajah 7.2 Student Roadmap

Roadmap Kemenjadian Pelajar JTNCHEPA ini diinspirasikan daripada kesemua *roadmap* pembangunan pelajar Fakulti di UTM dan juga hasil penanda arasannya dengan universiti masyhur di Malaysia seperti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia (USM). Pelajar diperkenalkan dengan *profiling* personaliti dan kerjaya seawal semester pertama dan disusuli dengan profiling kerjaya pada akhir semester melalui program *Talent and Competency Management (TCM)*. Pelbagai aktiviti akademik dan bukan akademik disusun sepanjang 4 tahun yang menyokong kepada pencapaian atribut graduan UTM dan KPT.

7.3 PENCAPAIAN ALUMNI/KISAH KEJAYAAN BERIMPAK TINGGI




Rajah 7.3 Kejayaan Arif

Arif Tukiman merupakan graduan usahawan UTM yang mula menceburkan diri dalam bidang perniagaan sejak tahun 2012 melalui penubuhan Cool Code Sdn. Bhd. , iaitu sebuah perniagaan yang khusus dalam merancang dan mengembangkan aplikasi mudah alih asli dan hibrid. Beliau merupakan graduan Sarjana Muda Sains Komputer UTM pada tahun 2010-2014 dan Sarjana Keusahawanan IT pada tahun 2015-2016.

Kisah kejayaan Arif Tukiman bermula sejak tahun 2012 apabila beliau dan rakannya telah menjuarai MDEC IconApps. Melalui kejayaan ini, beliau mula berminat dalam bidang perniagaan dan telah mewujudkan inkubator pertama di MagicX pada tahun 2014. Beliau kemudiannya telah menerima geran MDEC ICONdap sebanyak RM116,000 dan mula bekerjasama dengan Digital Durian (Didi & Friends).

Pada tahun 2017, beliau telah menujuhkan perniagaan RunCloud yang merupakan sebuah syarikat Software as a Service (SaaS) yang menyediakan panel pengurusan pelayan web untuk pembangunan perisian. Syarikat ini meningkat dan mempermudahkan pengalaman menggunakan cloud server untuk pembangun perisian. Runcloud mempunyai hampir 300,000 pelanggan di seluruh dunia dari lebih 100 buah negara. Ketua Pegawai Eksekutif, Arif Tukiman telah muncul di muka depan majalah Forbes 30 Under 30 Asia pada tahun 2020.



Rajah 7.4 Syarikat-syarikat yang ditubuhkan oleh Arif Tukiman

Aspek Kepimpinan - Prof. Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi bin Ismail



Prof. Datuk Ir. Ts. Dr. Ahmad Fauzi bin Ismail adalah Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia sehingga kini dan juga merupakan Pengasas dan Pengarah Pertama Pusat Penyelidikan Teknologi Membran Termaju (AMTEC). Beliau memperolehi Ph.D dalam Kejuruteraan Kimia pada tahun 1997 dari University of Strathclyde dan MSc. dan BSc. dari Universiti Teknologi Malaysia masing-masing pada tahun 1992 dan 1989.

Beliau telah memenangi lebih daripada 130 anugerah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Antara anugerah berprestij yang dimenangi ialah Anugerah Merdeka bagi Kategori Pencapaian Akademik Cemerlang pada 4 September 2014, Anugerah Bintang Meningkat Malaysia (Nama khas anugerah adalah lebih sesuai) sebanyak tiga kali (2016, 2017, 2018).

Beliau terlibat secara meluas dalam R&D&C untuk syarikat nasional dan multinasional yang berkaitan dengan proses berasaskan membran untuk aplikasi perindustrian dan kini memiliki dua syarikat spin-off. Beliau adalah pengasas kepada Pusat Penyelidikan Teknologi Membran Termaju (AMTEC) yang kini diiktiraf sebagai Pusat Kecemerlangan Institusi Tinggi (HICoE). Kini Profesor Datuk Fauzi merupakan Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia yang ke-7.

Produk inovasi UTM setaraf antarabangsa

Mewujudkan jalinan komersial antarabangsa sebagai pusat sehenti UTM bagi membolehkan industri mengetahui penyelidikan yang dijalankan oleh ahli akademik universiti ini

Dileh MOHD. SAMFUL MOHD. SAHAK

PENYELEKSIKAN dan pembangunan (R&D) Universiti Teknologi Malaysia (UTM) akan terus diperkembangkan bagi menghasilkan produk baru yang boleh dikomersialkan di peringkat tempatan dan antarabangsa.

dan antarbangsa.
Konservatoriologi Positif Inovasi dan
Konservatoriologi (ICC), Universiti Teknologi
Malaysia (UTM), Assoc. Prof. Dr. Arshad
Abdullah berkata, bagi mencapai
misi ini, ia perlu dilakukan dengan modifikasi
dansan tenaga akademik berusaha
memuncak dan memperbaiki perhubungan
dengan pemastian produk penyelidikan
UTM dapat dikonfirmasi secara
berkesan.
Sejajar dengan itu, UTM akan
memastikan bahawa peranan dalam
masyarakat bukan hanya sastera ahli
akademik dan industri bagi mewujudkan
kesedaran dalam
masyarakat terhadap
permasalahan pengajar dan
industri tentang
keamanan UTM
sebagai institusi R&D.
Beliau berkata,
UTM akan
berteruslan

berupaya sediakan jalinan kontinuitas sehingga pengaruhnya bagi pembelahan industri meningkatnya penyelidikan yang diajukan oleh ahli akademik universiti ini.

"UTM akan mempergiarkan usaha kerjasama mencapai budaya penyelidikan inovasi yang berkualiti, relevan dengan industri dan dilaksana dunia dalam kerangka pendekatan peringkat tinggi."

"Selain meningkatkan an harfa inovasi yang mampu meningkatkan prestasi teknologi dan pengetahuan sains dan teknologi

negara ke arah mencapai rangkaian nilai global, di samping menjadikan pelajar baharu pekerjaan," kataanya ketika ditemui pada Pameran Seni Industri dan Teknologi (Inatek) 2013 UTBM baru-baru ini.

Majlis penutup Inatek 2013 telah disempurnakan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Dato' Dr. Abang Bakar Mohamed Dah.

Arhan menambah, dalam usaha untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan



Selain menghasilkan harta intelek dan inovasi yang mampu menggerakkan negara ke arah mencapai rangkaian nilai global, di samping mewujudkan peluang baru sektor lain

Untuk manfaat masyarakat, UTM meningkatkan kerjasama R&D dengan sektor swasta bagi menjalankan teknologi dan pengetahuan yang diperoleh dari penelitian. Selain itu, kerjasama ini juga berfungsi untuk memfasilitasi pembangunan dan daya saing dalam menyajikan produk UTB yang bersifat dikomersialkan dengan baik.

Selain itu, UTM juga mendukung perlakuan dalam bentuk seni pengetahuan penemuan dan teknologi yang dihasilkan oleh ahli ilmu dan ahli teknologi penyelidikan UTM dengan industri melalui transfer teknologi antara bagian penelitian dan pengembangan dengan kerjasama agensi/agensi seperti MOSTI, MASTI, MASTRI, MASTRI, MASTRI, MASTRI, MASTRI dan Multidisciplinary Academic Corporation (MDAC).

Untuk menghadapi tantangan perempuan ekosistem konservan antaralau UTM dapat memperbaiki pengkonservan dengan memperbaiki teknologi dan potensi teknologi untuk dipakarikan.

"Kita akan memprediksi keberlanjutan sumber daya alam dan lingkungan melalui analisis dan prediksi inovasi dan teknologi."

Untuk perkiraan ini, UTM telah

Sertai kami
facebook
Helo Kampus

Rajah 7.5 Antara Kejayaan Prof. Datuk Ir.Ts. Ahmad Fauzi bin Ismail

Alumni International (Kepimpinan)



Rajah 7.6 Antara Kejayaan Prof. Dr. Ir. H. Anis Saggaff

Prof. Dr. Ir. H. Anis Saggaff dilahirkan pada 28 Oktober 1962 di Palembang, Sumatera Selatan. Beliau merupakan alumni UTM dalam Ijazah Kedoktoran Kejuruteraan Awam pada tahun 2007. Beliau merupakan Rektor Universiti Sriwijaya (UNSRI), Indonesia. Beliau pernah memenangi Rektor Terbaik 1 PTN-BLU di Anugerah Diktiristek 2022. Melalui kepimpinan beliau, UNSRI terus berjaya meneruskan kecemerlangan dalam penyelidikan dan pembangunan. Pengkhususan beliau ialah dalam bidang struktur bangunan, konkrit dan baja komposit.



Rajah 7.7 Antara Kejayaan Prof. Dr. Ir. H. Anis Saggaff

7.4 PENUTUP

Bab ini memberi penekanan kepada pencapaian dan pembinaan Pelan Halatuju pelajar di UTM. Bab ini sangat bermanfaat bagi pelajar tahun 1 hingga tahun 4, terutamanya dalam pembinaan Roadmap (Pelan Halatuju) mereka. Roadmap Atribut Pelajar UTM yang diterangkan dalam bab ini menggariskan panduan komprehensif dalam menghasilkan graduan yang memenuhi pelbagai atribut penting yang diaspirasikan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Tujuh atribut utama ini mencerminkan komitmen UTM untuk menghasilkan graduan yang komprehensif dalam bidang akademik, kemahiran berkolaborasi, penyesuaian, kepekaan terhadap budaya global, berdaya usaha, kemahiran berkomunikasi, berfikir kritis, dan kesarjanaan. UTM telah berusaha keras untuk melatih dan memupuk atribut-atribut ini melalui pelbagai program dan aktiviti di seluruh universiti.

Kisah kejayaan alumni seperti Arif Tukiman, Prof. Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi bin Ismail, dan Prof. Dr. Ir. H. Anis Saggaff adalah bukti nyata bahawa UTM telah berhasil melahirkan individu yang berjaya dalam pelbagai bidang, termasuk usahawan, kepimpinan, pengajaran dan penyelidikan. Kejayaan mereka adalah hasil daripada pendidikan holistik yang diterima di UTM, yang melibatkan pembangunan atribut-atribut penting yang ditekankan dalam Roadmap Atribut Pelajar UTM.

Inisiatif yang telah dilaksanakan oleh JTNCHEPA UTM cemerlang dalam memajukan potensi pelajar. Dengan demikian, JTNCHEPA UTM berperanan penting dalam membimbing dan menyokong pelajar UTM dalam mencapai potensi penuh mereka, dan pencapaian alumni adalah bukti keberhasilan pendekatan ini. UTM akan terus berusaha untuk melahirkan graduan yang berkualiti, komprehensif, dan berdaya saing dalam arena global selari dengan *tagline* rasmi iaitu menginovasikan penyelesaian.



Rajah 7.8 Sumbangan Alumni UTM kepada Tabung Endowmen UTM

PENUTUP



Penutup

Jabatan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UTM sentiasa komited dalam usaha membangunkan pelajar yang holistik, seimbang dan menyeluruh. Usaha ini selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pengajian Tinggi) yang telah diluncurkan oleh kerajaan Malaysia pada tahun 2015 serta pelan Envision UTM 2025.

Program pembangunan dan usaha melahirkan pelajar yang berkualiti dan berdaya saing sentiasa menjadi fokus utama JTNCHEPA UTM. Pelajar merupakan rakan kongsi utama dalam menentukan kejayaan sesebuah universiti.

Dahulunya universiti dikenali sebagai gedung ilmu dan pusat kecemerlangan ilmu, namun kini fungsi universiti jauh melangkaui batas tersebut. Universiti diberikan tugas besar dalam mendidik pelajar ke arah insan yang syumul.

Untuk tujuan tersebut, melalui perkara-perkara dan isu-isu yang telah dikupas dalam buku ini, harapannya ianya menjadi dorongan kepada semua pelajar UTM untuk menyediakan diri dengan ilmu, kemahiran dan maklumat yang diperlukan dalam proses pembangunan diri.

Diharap buku ini sedikit sebanyak dapat menjadi panduan kepada pelajar sepanjang menjadi warga UTM.





UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Disediakan oleh:

**Jabatan Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)**



07-5538850/07-5538847



<https://studentaffairs.utm.my/bapp/>



Bahagian Aktiviti dan Pembangunan Pelajar (BAPP),
Galeria Siswa, Bangunan M42 & M43,
Jabatan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni),
Universiti Teknologi Malaysia,
81310 Johor Bahru, Johor

e ISBN 978-967-26710-2-2



9 789672 671022